



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**

# **Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak**

**Mata Pelajaran Vokasional**  
**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**  
**Tingkatan 4 dan 5**





**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**

# **Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak**

**Mata Pelajaran Vokasional**

**Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran**

**Tingkatan 4 dan 5**

**Bahagian Pembangunan Kurikulum**

**SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

## KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan .....	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan .....	vii
Kata Pengantar.....	ix
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	3
Fokus .....	4
Kemahiran Abad Ke-21.....	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	7
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran .....	8
Elemen Merentas Kurikulum .....	12
Pentaksiran Bilik Darjah.....	15

Organisasi Kandungan.....	18
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	
1.0 Perkhidmatan Awal Kanak-Kanak dan Kerjaya.....	23
2.0 Amalan Keselamatan.....	27
3.0 Amalan Kebersihan dan Penjagaan Kesihatan.....	31
4.0 Penjagaan Rutin Harian Kanak-Kanak.....	36
5.0 Penyediaan Makanan.....	41
6.0 Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian.....	47
7.0 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal.....	53
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	
8.0 Perkembangan Fizikal.....	61
9.0 Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik.....	65
10.0 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran.....	69
11.0 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif.....	75
12.0 Pengurusan dan Pentadbiran TASKA.....	81
13.0 Keusahawanan dan Projek Kerjaya.....	87
Panel Penggubal.....	92
Penghargaan.....	93



## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:  
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;  
Memelihara satu cara hidup demokratik;  
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara  
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;  
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;  
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan  
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)



## DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

### 3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]



## **KATA PENGANTAR**

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

**SHAZALI BIN AHMAD**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

Kementerian Pendidikan Malaysia



## PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak merupakan mata pelajaran elektif dalam kelompok Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM). Kandungan kurikulum standard bagi mata pelajaran ini digubal bertujuan menyediakan murid menjadi tenaga kerja separa mahir yang berpengetahuan dalam bidang perkhidmatan penjagaan awal kanak-kanak. Penetapan standard dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan asas yang kukuh bagi membolehkan mereka menceburi kerjaya atau untuk melanjutkan pengajian dan latihan dalam bidang yang sama ke peringkat yang lebih tinggi.

KSSM Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak memberi peluang dan keupayaan kepada murid untuk melaksanakan tugas dengan kompeten, yakin dan bertanggungjawab. Murid didedahkan dengan amalan penjagaan, pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang sebenar melalui orientasi di institusi taman asuhan kanak-kanak (TASKA) dan taman didikan kanak-kanak (TADIKA).

Kandungan teori dan latihan amali diberi penekanan khusus supaya murid menguasai kemahiran merancang serta menjalankan aktiviti untuk merangsang perkembangan dan meningkatkan potensi kanak-kanak dalam enam bidang seperti yang digariskan dalam dasar berkaitan. Kreativiti dan inovasi

murid dapat dizarhkan melalui penghasilan pelbagai alat permainan dan bahan bantu mengajar serta persiapan ruang yang sesuai untuk pelaksanaan aktiviti bersama-sama kanak-kanak.

Aspek keselamatan, kebersihan, pemakanan seimbang, amalan yang baik dalam penjagaan serta pengasuhan bayi dan kanak-kanak turut diberi keutamaan. Murid dilatih untuk mengamalkan sikap yang positif serta nilai, terutama nilai kasih sayang semasa mengasuh dan mendidik kanak-kanak. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan secara eksplisit dalam DSKP Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi melengkapkan murid dengan kemahiran berfikir untuk menjana idea, menyelesaikan masalah serta berupaya membuat keputusan yang wajar.

Pendedahan kepada literasi kewangan dalam modul Keusahawanan berhasrat menggalakkan murid untuk menanam minat menjadi seorang usahawan yang celik tentang elemen kewangan dalam menguruskan perniagaan perkhidmatan seperti TASKA, TADIKA atau membuka perniagaan yang berkaitan dengan bidang berkenaan. Melalui pelaksanaan projek keusahawanan, murid diharap dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi sebagai panduan untuk mengurus kerjaya mereka di masa hadapan.

## **MATLAMAT**

KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak bermatlamat melahirkan murid yang berpengetahuan, berketerampilan, mempunyai kemahiran asas, mengamalkan etika profesional, nilai murni, serta sikap keusahawanan sebagai persediaan menceburi kerjaya dalam bidang perkhidmatan asuhan, bimbingan dan pendidikan awal kanak-kanak, seterusnya berupaya melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar bagi memberi sumbangan yang lebih bermakna ke arah pembangunan serta kemajuan negara.

## **OBJEKTIF**


KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti jenis dan kepentingan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak serta menghubungkait dengan pilihan kerjaya.
2. Mematuhi akta serta peraturan yang berkaitan dengan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.
3. Merumuskan maklumat mengenai pertumbuhan dan perkembangan awal kanak-kanak dalam aspek sahsiah, sosio-emosi, kerohanian, fizikal, bahasa, komunikasi, kognitif, estetika dan daya kreatif.
4. Mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pengurusan institusi, keselamatan, penjagaan kebersihan dan kesihatan serta penyediaan makanan kanak-kanak.
5. Merancang dan menyediakan sudut serta ruang pembelajaran, alat permainan, dan bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif bagi merangsang pertumbuhan serta perkembangan menyeluruh kanak-kanak.
6. Merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran yang berkesan mengikut peringkat umur, latar belakang, keperluan, minat serta keupayaan kanak-kanak.
7. Melaksanakan tugas penjagaan harian dan pengurusan bilik untuk kanak-kanak dengan mengamalkan etika kerja yang profesional, mengutamakan keselamatan dan sentiasa menjaga kebersihan.
8. Berkomunikasi dengan berkesan menggunakan pelbagai kaedah lisan dan bukan lisan serta mempamerkan rasa kasih sayang dalam mengasuh, membimbing dan mendidik kanak-kanak.
9. Menyelesaikan masalah mengikut kaedah serta langkah yang betul bagi membuat keputusan yang berkesan.
10. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan untuk menjalankan perniagaan sendiri, seterusnya berupaya menyediakan peluang pekerjaan.

## KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan

membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak telah digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM tersebut.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

## FOKUS

KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak digubal berpandukan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008 yang memberi fokus terhadap perkembangan holistik kanak-kanak dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani dalam kategori umur baru lahir hingga empat tahun. Kandungan kurikulum juga disediakan dengan merujuk keperluan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kemahiran Malaysia.

Fokus KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah selaras dengan skop kurikulum Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008 yang menetapkan enam bidang pembelajaran serta satu aspek pengasuhan lengkap seperti berikut:

- i) Perkembangan Sahsiah, Sosio-emosi dan Kerohanian
- ii) Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal
- iii) Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik
- iv) Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran
- v) Perkembangan Fizikal dan Kemahiran Mengurus Diri
- vi) Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif, dan

- vii) Aspek pengasuhan meliputi:
  - a. Dasar, akta dan peraturan yang berkaitan
  - b. Keselamatan
  - c. Kebersihan
  - d. Pemakanan seimbang
  - e. Penjagaan bayi dan kanak-kanak, dan
  - f. Amalan pengasuhan yang baik.

Dalam domain kemahiran, KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak memberi fokus kepada proses merancang, menyedia, melaksana, menilai, melapor dan mendokumentasikan aktiviti meliputi aktiviti lawatan dan kerja amali bagi tiga bidang berikut:

1. Pengurusan institusi, keselamatan, penjagaan kebersihan dan kesihatan serta penyediaan makanan bayi dan kanak-kanak di samping melatih kanak-kanak mengamalkan etika makan yang betul.
2. Penyediaan ruang pembelajaran, penghasilan bahan bantu mengajar serta bahan permainan yang kreatif dan selamat untuk diguna dalam pelbagai aktiviti yang mencabar tetapi menggemirakan kanak-kanak.
3. Pelaksanaan projek keusahawanan dengan mengikuti langkah yang betul dalam membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah di samping menjalin hubungan positif serta mesra terhadap klien.



**KEMAHIRAN ABAD KE-21**

Salah satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak secara langsung atau tidak langsung menyumbang kepada pemerolehan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

<b>PROFIL MURID</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>Berdaya Tahan</b>	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran serta cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
<b>Mahir Berkomunikasi</b>	Mereka berupaya menyuarakan serta meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif samada secara lisan atau bertulis dengan menggunakan pelbagai media dan teknologi.

<b>PROFIL MURID</b>	<b>PENERANGAN</b>
<b>Pemikir</b>	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
<b>Kerja Sepasukan</b>	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mengalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Bersifat Ingin Tahu</b>	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
<b>Berprinsip</b>	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
<b>Bermaklumat</b>	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperolehi.

PROFIL MURID	PENERANGAN
<b>Penyayang/ Prihatin</b>	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
<b>Patriotik</b>	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
<b>Mengaplikasi</b>	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
<b>Menganalisis</b>	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
<b>Menilai</b>	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
<b>Mencipta</b>	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan menaakul serta mempunyai strategi berfikir.

**Kemahiran berfikir secara kritis** adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

**Kemahiran berfikir secara kreatif** adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

**Kemahiran menaakul** adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

**Strategi berfikir** merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

## STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan dan bersesuaian dengan kemahiran yang diajar memainkan peranan penting untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik serta memenuhi keperluan murid dari pelbagai latar belakang dan kebolehan.

Pelaksanaan proses PdP perlu menjurus kepada pencapaian standard pembelajaran berdasarkan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21. Guru menggalakkan murid melalui aplikasi kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, menyelesaikan masalah, menganalisis, mengkonsepsi, membuat refleksi, menginovasi dan mencipta sesuatu yang baharu. Aktiviti PdP juga memberi penekanan kepada pembelajaran berpusatkan murid seperti inkuiri dan berasaskan projek. Murid didedahkan dengan kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif melalui proses PdP yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Guru juga perlu menerapkan elemen kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pemikiran komputasional serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP. Terdapat beberapa strategi yang boleh digunapakai oleh guru dalam proses PdP untuk

menggalakkan murid mengikuti proses pembelajaran secara mendalam. PdP Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan menggunakan strategi seperti berikut:

### **Pembelajaran Kendiri**

Pembelajaran sendiri terdiri daripada empat pendekatan iaitu Terarah Kendiri (Self-Directed), Kadar Kendiri (Self-Paced), Akses Kendiri (Self-Accessed), dan Taksir Kendiri (Self-Assess).

Strategi ini berfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid. Melalui KSSM Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, strategi ini boleh dilaksanakan dengan guru memberi panduan kepada murid untuk membuat rujukan melalui pelbagai sumber serta bahan termasuk penggunaan kemudahan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), bagi menentukan jenis, bentuk dan rupa produk yang hendak dihasilkan. Murid belajar mengikut kadar kemampuan sendiri, mampu mengakses sendiri, malah dapat mentaksir pembelajaran sendiri. Strategi ini membolehkan murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran, lebih yakin dan tekun untuk mencapai standard pembelajaran yang dinyatakan.

**Pembelajaran Kolaboratif**

Pembelajaran kolaboratif merupakan pendekatan yang mementingkan kerjasama dan mengkehendaki murid menyampaikan idea dalam kumpulan kecil. Pendekatan ini boleh dilaksanakan guru dengan memberi tugas kepada kumpulan-kumpulan yang telah dikenalpasti. Melalui PdP, murid boleh bertukar pendapat atau idea semasa menjalankan aktiviti secara kumpulan. Semua ahli kumpulan akan terlibat dengan aktif dalam menyumbang pengetahuan, pendapat, kemahiran dan menyelesaikan masalah bersama.

**Pembelajaran Berasaskan Projek**

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu model aktiviti bilik darjah yang berbeza dari kebiasaan. Pendekatan aktiviti pembelajaran ini mempunyai jangkamasa yang panjang, mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu, berpusatkan murid dan menghubungkan pengamalan kehidupan sebenar. Projek ditakrifkan sebagai tugas, pembinaan atau siasatan yang teratur yang menjurus kepada matlamat yang spesifik. Dalam Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, murid beroleh pengetahuan dan kemahiran semasa proses menyediakan dan melaksanakan sesuatu projek. Mereka juga boleh meneroka atau membuat kajian terhadap projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

**Pembelajaran berasaskan Inkuiri**

Pembelajaran berasaskan Inkuiri berlaku dalam mata pelajaran Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak apabila murid mengkaji sesuatu masalah dari pelbagai sudut dan melaksanakan penyelesaian secara satu demi satu dengan memecahkan masalah utama kepada beberapa masalah kecil. Ini berlaku sewaktu murid melaksanakan sesuatu projek yang mempunyai beberapa sub projek yang perlu dibuat sebelum menghimpunkan semua sub projek menjadi projek yang utama. Sesuatu masalah akan mudah dikesan dan dibaiki lebih awal jika berlaku sesuatu kelemahan. Pengalaman ini membantu murid menangani masalah dan memahami keperluan mencerakin setiap masalah yang dihadapi.

**Pembelajaran Berasaskan Masalah**

Pembelajaran Berasaskan masalah merupakan satu kaedah pembelajaran berasaskan masalah sebenar dan murid dapat menyelesaikan masalah dengan keupayaan mereka sendiri. Kaedah ini boleh dijalankan secara kolaboratif dan berpusatkan murid. Murid perlu mengenal pasti masalah, mencari kaedah penyelesaian, melaksanakan operasi penyelesaian masalah dan menilai kaedah penyelesaian masalah yang digunakan. Kaedah ini juga memerlukan murid membuat keputusan untuk menyelesaikan

masalah tersebut, misalnya murid perlu menyiapkan sesuatu projek dengan menggunakan bahan yang sukar untuk diperolehi. Maka untuk mengatasi masalah itu, murid perlu berbincang dengan rakan bagi mencari penyelesaian alternatif. Guru pula perlu berperanan sebagai fasilitator dengan memberi panduan kepada murid dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

### **Pembelajaran Masteri**

Pembelajaran Masteri adalah pendekatan PdP yang berfokus kepada penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pendekatan ini murid diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri dalam mempertingkatkan tahap penguasaan isi pelajaran. Pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu konsep adalah sangat penting bagi memastikan sesuatu aktiviti yang hendak dilaksanakan itu dilakukan dengan betul. Pelbagai sumber maklumat dapat membantu murid untuk menguasai sesuatu perkara terlebih dahulu, contohnya dengan melayari Internet dan melalui laman web yang terpilih akan dapat membantu murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang spesifik.

### **Konstruktivisme**

Pembelajaran secara konstruktivisme ialah kaedah pembelajaran di mana murid dapat membina sendiri pengetahuan atau konsep baru secara aktif berdasarkan pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman yang telah diperolehi dalam PdP. Melalui pembelajaran secara konstruktivisme, murid menjadi lebih kreatif dan inovatif. Mereka boleh mendapatkan data, maklumat dan pengetahuan mengenai sesuatu perkara itu untuk membina pengetahuan atau konsep yang baru.


### **Pembelajaran Penerokaan**

Pembelajaran Penerokaan membolehkan murid belajar melalui penerokaan berdasarkan pengalaman mereka yang sedia ada. Murid secara aktif mencari dan mengakses maklumat untuk mencapai objektif pembelajaran mereka dalam konteks yang terkawal. Penggunaan komputer dan akses Internet merupakan alat yang paling berkesan dalam menterjemahkan konsep pembelajaran penerokaan. Ini memandangkan ianya dapat mencapai maklumat dan pengetahuan dengan cepat bagi membolehkan murid menganalisis dan memproses maklumat yang diinginkan dalam situasi pembelajaran yang berbentuk penyelesaian masalah dan kajian masa depan.

## Pendekatan STEM

**(Science, Technology, Engineering and Mathematics)**

Pendekatan STEM dalam PdP Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah dengan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM melalui inkuiri, penyelesaian masalah atau projek dalam konteks kehidupan harian, alam sekitar dan masyarakat tempatan serta global seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2: Pendekatan STEM dalam PdP

PdP STEM yang kontekstual dan autentik dapat menggalakkan pembelajaran yang mendalam dalam kalangan murid. Murid boleh bekerja secara berkumpulan atau secara individu mengikut kemampuan mereka ke arah membudayakan pendekatan STEM dengan mengamalkan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menyoal dan mengenal pasti masalah.
2. Membangunkan dan menggunakan model.
3. Merancang dan menjalankan penyiasatan.
4. Menganalisis dan mentafsirkan data.
5. Menggunakan pemikiran matematik dan pemikiran komputasional.
6. Membina penjelasan dan mereka bentuk penyelesaian.
7. Melibatkan diri dalam perbincangan dan perbincangan berdasarkan eviden.
8. Mendapatkan maklumat, menilai dan berkomunikasi tentang maklumat tersebut.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain daripada yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan supaya murid dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. EMK yang diberi tumpuan utama dalam proses PdP semua mata pelajaran adalah seperti berikut:

### 1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

### 2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan kelestarian alam sekitar akan membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### 3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

### 4. Sains dan Teknologi

- Memupuk minat terhadap sains dan teknologi akan meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada PdP yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:



- i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
- ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

### 5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik berhasrat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

### 6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.

- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

### 7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

### 8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.

- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

### **9. Kelestarian Global**

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian. Matlamat ini boleh dicapai dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui pelaksanaan tiga elemen iaitu Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

### **10. Pendidikan Kewangan**

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit, pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum.
- Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

## PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksanakan dan dilaporkan oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PBD, guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melaporkan tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan SP dan Standard Prestasi (SPi).
- Merancang tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid.

### Tahap Penguasaan Umum

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras pencapaian yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Guru boleh merekod perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Jadual 3 menunjukkan Pernyataan Tahap Penguasaan Umum.

Jadual 3: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum

TAHAP	TAFSIRAN
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi.
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik.
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif.
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh diteladani.

### Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap Penguasaan Keseluruhan bagi KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak perlu ditentukan pada akhir Tingkatan 4 dan 5. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan Tahap Penguasaan Keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid serta perbincangan profesional bersama rakan sejawat.

PBD dalam KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak melibatkan pengujian, pengukuran dan penilaian secara holistik. Penilaian secara holistik membolehkan murid menggabungkan kefahaman mereka kepada aspek kognitif, psikomotor dan afektif melalui Pentaksiran Berasaskan Standard dan Pentaksiran Berasaskan Projek dalam pelaksanaan PBD.

Pentaksiran Berasaskan Standard bagi KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan SPi yang ditetapkan mengikut tahap penguasaan seperti yang

dihasarkan oleh kurikulum. SPi bagi KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dibina sebagai panduan untuk guru membimbing murid dan seterusnya mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid serta keberkesanan PdP dalam pembangunan dan pembentukan modal insan.

Pentaksiran Berasaskan Projek merujuk kepada penilaian tugas, pembinaan atau siasatan spesifik yang dilaksanakan secara teratur oleh murid. Dalam KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, murid memperoleh pengetahuan, menguasai kemahiran dan mengamalkan nilai semasa proses menyediakan sesuatu projek. Mereka juga boleh meneroka atau membuat kajian projek melalui pelbagai sumber maklumat yang relevan.

Pentaksiran Berasaskan Projek boleh digunakan untuk menilai kerja projek atau aktiviti yang dilaksanakan sama ada melalui proses kerja atau hasil kerja murid. Proses kerja melibatkan pengurusan projek, kemahiran generik dan penyelesaian masalah. Manakala hasil kerja boleh dinilai melalui penilaian guru, rakan sebaya, sendiri, laporan, pembentangan dan hasil projek. Jadual 4 menunjukkan Pernyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Jadual 4: Pernyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi) sebagai rujukan standard yang perlu dicapai oleh murid semasa proses PdP. Maksud SK, SP dan SPi diterangkan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

Dalam organisasi kandungan terdapat lajur Catatan yang mengandungi nota ringkas dan cadangan aktiviti. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan, mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP.

KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak disediakan untuk pelaksanaan PdP minimum 256 jam setahun bagi setiap Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Peruntukan jumlah jam ini termasuk masa untuk melaksanakan tugas, amali, projek, pembentangan lisan dan penyediaan laporan.

Kandungan KSSM Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 diorganisasikan kepada 13 modul pembelajaran. Setiap modul mengandungi beberapa SK dan SP. Senarai modul dan cadangan peruntukan jumlah jam PdP bagi setiap modul adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 6: Agihan Masa mengikut Modul KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tingkatan 4

MODUL	JAM SETAHUN
1.0 PERKHIDMATAN AWAL KANAK-KANAK DAN KERJAYA	28 jam
2.0 AMALAN KESELAMATAN	28 jam

<b>MODUL</b>	<b>JAM SETAHUN</b>
3.0 AMALAN KEBERSIHAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN	28 jam
4.0 PENJAGAAN RUTIN HARIAN KANAK-KANAK	28 jam
5.0 PENYEDIAAN MAKANAN	48 jam
6.0 PERKEMBANGAN SAHSIAH, SOSIO-EMOSI DAN KEROHANIAN	48 jam
7.0 PERKEMBANGAN BAHASA, KOMUNIKASI DAN LITERASI AWAL	48 jam
	256 jam

10.0 PERKEMBANGAN DERIA DAN PEMAHAMAN DUNIA PERSEKITARAN	42 jam
11.0 AKTIVITI PERKEMBANGAN ESTETIKA DAN DAYA KREATIF	42 jam
12.0 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TASKA	58 jam
13.0 KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM KERJAYA	58 jam
	256 jam

Jadual 7: Agihan Masa mengikut Modul KSSM MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tingkatan 5

<b>MODUL</b>	<b>JAM SETAHUN</b>
8.0 PERKEMBANGAN FIZIKAL	28 jam
9.0 PERKEMBANGAN AWAL MATEMATIK DAN PEMIKIRAN LOGIK	28 jam

Kandungan setiap modul disusun mengikut aras kognitif murid iaitu daripada yang mudah kepada sukar. Bagi domain psikomotor, murid melaksanakan aktiviti amali dengan mengikut prosedur kerja yang betul dan beretika. Manakala bagi domain afektif, murid turut didedahkan kepada aspek apresiasi iaitu menghargai hasil kerja sendiri serta rakan yang mempunyai nilai estetika dengan memberi maklum balas yang membina, di samping mengamalkan sikap yang baik dan nilai murni semasa melaksanakan aktiviti PdP.





Standard Kandungan,  
Standard Pembelajaran  
dan Standard Prestasi  
Tingkatan 4



## 1.0 PERKHIDMATAN AWAL KANAK-KANAK DAN KERJAYA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>1.1 Pengenalan kepada Bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mengenal peringkat umur bayi dan kanak-kanak di bawah bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.</p> <p>1.1.2 Menyatakan perbezaan antara Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA).</p> <p>1.1.3 Menerangkan empat kategori TASKA yang sedang beroperasi dalam negara.</p> <p>1.1.4 Membandingkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelbagai kategori TASKA.</p> <p>1.1.5 Menghuraikan kepentingan perkhidmatan asuhan dan didikan awal kanak-kanak yang berkualiti kepada kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat dan negara.</p> <p>1.1.6 Menghasilkan laporan lawatan ke TASKA mengikut format yang disediakan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Peringkat umur mengikut Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ 0-12 bln: Bayi</li> <li>○ 1-2 tahun: Kanak-kanak Tatih</li> <li>○ 2-4 tahun: Awal Kanak-kanak</li> </ul> </li> <li>• Perbezaan TASKA dan TADIKA dari aspek: Umur, kesediaan fizikal serta mental kanak-kanak, objektif penubuhan, kelayakan tenaga pengajar dan keperluan/kemudahan prasarana.</li> <li>• Kategori TASKA: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Institusi</li> <li>○ Tempat Kerja</li> <li>○ Komuniti</li> <li>○ Di rumah</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton klip video berkenaan TASKA dan memberi maklum balas.</li> <li>• Meneroka, mengumpul maklumat dari pelbagai sumber dan berkongsi bahan mengenai TASKA dan TADIKA.</li> <li>• Membincang dan menyediakan maklumat senarai semak berkaitan pentadbiran dan pengurusan TASKA.</li> <li>• Membuat lawatan dan pemerhatian ke pelbagai TASKA dengan mengamalkan sikap bekerjasama.</li> <li>• Menggunakan TMK untuk sesi pembentangan laporan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.2 Akta dan Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak	<p>1.2.1 Menamakan dasar, akta dan peraturan berkaitan dengan perkhidmatan kanak-kanak yang sedang berkuatkuasa.</p> <p>1.2.2 Menerangkan kepentingan penggubalan dasar, akta dan peraturan bagi melindungi kanak-kanak.</p> <p>1.2.3 Menjelaskan kandungan akta dan peraturan yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak.</p> <p>1.2.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat mengenai dasar, akta dan peraturan TASKA dalam pelbagai bentuk media yang menarik dan kreatif.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 2008.</li> <li>• Akta berkaitan perkhidmatan kanak-kanak: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 pindaan 2007 (Akta 308).</li> <li>○ Akta Kanak-kanak 2001 pindaan 2011 (Akta 611) –selari dengan <i>United Nation Convention on the Rights of the Child</i> (UNCRC 1995).</li> <li>○ Akta Pendidikan 1996 pindaan 2002,</li> <li>○ Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.</li> <li>○ Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969</li> <li>○ Akta Pekerjaan 1955.</li> </ul> </li> <li>• Seksyen dalam Akta 308 yang berkaitan taman asuhan kanak-kanak: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Seksyen 2</li> <li>○ Seksyen 5</li> <li>○ Seksyen 6</li> <li>○ Seksyen 7</li> <li>○ Seksyen 8</li> <li>○ Seksyen 12</li> <li>○ Seksyen 14</li> <li>○ Seksyen 17</li> </ul> </li> <li>• Peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Peraturan 53</li> <li>○ Peraturan 54</li> <li>○ Peraturan 55</li> </ul> </li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
1.3 Profesionalisme, Etika, Tugas serta Tanggungjawab Pendidik dan Pengasuh TASKA	<p>1.3.1 Menyenaraikan organisasi yang menawarkan pekerjaan dalam bidang perkhidmatan awal kanak-kanak.</p> <p>1.3.2 Menerangkan ciri seorang pendidik dan pengasuh TASKA yang profesional.</p> <p>1.3.3 Menerangkan etika sebagai pendidik dan pengasuh TASKA.</p> <p>1.3.4 Menghuraikan tugas dan tanggungjawab pendidik atau pengasuh berdasarkan maklumat temu bual yang dilaksanakan.</p> <p>1.3.5 Menilai keupayaan diri untuk menjadi seorang pendidik atau pengasuh dalam bidang asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Organisasi menawarkan pekerjaan: Jabatan kerajaan, separa kerajaan, swasta dan pertubuhan sukarela.</li> <li>• Tugas dan Tanggungjawab: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mewujudkan interaksi yang positif.</li> <li>○ Menguruskan keperluan harian kanak-kanak.</li> <li>○ Mengembangkan potensi kanak-kanak.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendengar ceramah kerjaya dari agensi berkaitan.</li> <li>• Menyediakan senarai semak etika kerja yang berkualiti.</li> <li>• Membangunkan video simulasi mempamerkan sifat pendidik TASKA semasa proses PdP.</li> <li>• Membincangkan isu semasa tentang penjagaan bayi dan kanak-kanak serta cadangan penyelesaiannya.</li> <li>• Menemubual seorang pendidik atau pengasuh tentang tugas dan tanggungjawabnya di TASKA.</li> <li>• Membuat pembentangan menggunakan TMK dan menunjukkan sikap positif terhadap profesion pendidik atau pengasuh TASKA.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkhidmatan awal kanak-kanak dan kerjaya.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkhidmatan awal kanak-kanak dan kerjaya.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkhidmatan awal kanak-kanak dan kerjaya.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 2.0 AMALAN KESELAMATAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>2.1 Keselamatan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Menyenaraikan punca kecederaan dan kemalangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.</p> <p>2.1.2 Menerangkan kepentingan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.</p> <p>2.1.3 Menjelaskan peranan pendidik atau pengasuh bagi memastikan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.</p> <p>2.1.4 Menghuraikan persekitaran yang selamat di dalam dan di luar TASKA.</p> <p>2.1.5 Menilai langkah dan peraturan keselamatan bertulis di TASKA.</p> <p>2.1.6 Menjana idea bagi menambah baik amalan penjagaan keselamatan bayi dan kanak-kanak di TASKA.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Punca kemalangan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kecuaian</li> <li>○ Sifat kanak-kanak</li> <li>○ Peralatan yang merbahaya</li> </ul> </li> <li>• Bahan/ alat/ ruang yang berisiko di TASKA: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pintu</li> <li>○ Lantai bilik air</li> <li>○ Bekas tadahan air</li> <li>○ Dapur/ Ruang penyediaan makanan</li> <li>○ Perabot – meja, kerusi, rak, TV</li> <li>○ Kot/ katil bayi</li> <li>○ Mainan kanak-kanak</li> <li>○ Bahan pengajaran dan pembelajaran</li> <li>○ Bahan beracun</li> <li>○ Bekalan Elektrik</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membincangkan isu semasa aspek keselamatan bayi dan kanak-kanak di tempat asuhan.</li> <li>• Membuat perbandingan aspek keselamatan di TASKA.</li> <li>• Menyediakan laporan dan membuat pembentangan tentang aspek keselamatan yang perlu ada seperti alat pemadam api, peti pertolongan cemas, lampu kecemasan, petunjuk laluan kecemasan dan fungsinya.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.2 Pertolongan Cemas	<p>2.2.1 Menyatakan tujuan pertolongan cemas.</p> <p>2.2.3 Mengenal pasti kandungan Peti Pertolongan Cemas, kegunaan serta keperluan kuantitinya.</p> <p>2.2.3 Menunjuk cara rawatan awal yang betul bagi insiden:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Sesak nafas</li> <li>ii) Tersedak susu</li> <li>iii) Tercekik benda asing</li> <li>iv) Hidung berdarah</li> <li>v) Terkena gigitan haiwan dan serangga</li> <li>vi) Digigit kanak-kanak lain</li> <li>vii) Membersih luka dan membalut luka</li> <li>viii) Benjol dan rawatan tuam atau demah</li> <li>ix) Terseliuh, patah dan pemakaian anduh</li> <li>x) Terkena benda panas</li> <li>xi) Terkena renjatan elektrik</li> <li>xii) Lemas</li> </ul> <p>2.2.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat cara memberi pertolongan cemas dan rawatan awal dalam bentuk media yang kreatif.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuan pertolongan cemas: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyelamatkan nyawa.</li> <li>○ Mengelakkan pesakit menjadi lebih serius.</li> <li>○ Memberi bantuan pemulihan.</li> </ul> </li> <li>• Amalan sikap kesegeraan bertindak dan tidak panik semasa berdepan dengan situasi cemas perlu diberi penegasan semasa PdP.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video atau menghadiri ceramah Persatuan Bulan Merah dan St. John Ambulan tentang pertolongan cemas.</li> <li>• Mendapatkan maklumat dan bahan daripada pelbagai sumber (internet, media cetak).</li> <li>• Tunjuk cara melabel dan menyimpan ubat.</li> <li>• Membuat demonstrasi rawatan awal bersama-sama pasangan.</li> <li>• Membuat ilustrasi tatacara rawatan kecemasan.</li> <li>• Membuat carta bergambar tentang langkah keselamatan di ruang tertentu di TASKA.</li> <li>• Menghasilkan <i>Power Point Presentation</i>, buku skrap, <i>booklet</i>, brosur, risalah/ <i>phamplet</i>, dsbnya.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
2.3 Pencegahan Kebakaran dan Rawatan Awal	2.3.1 Menyenaikan punca kebakaran di TASKA. 2.3.2 Menerangkan tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran. 2.3.3 Menunjuk cara penggunaan alat pemadam api yang betul. 2.3.4 Melaksanakan simulasi rawatan awal kecederaan akibat kebakaran mengikut kaedah yang betul. 2.3.5 Menilai dan mengusulkan cadangan untuk menambah baik prosedur pencegahan kebakaran di TASKA.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tindakan semasa berlaku kebakaran:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Membunyikan penggera/ loceng kecemasan.</li> <li>○ Membuat panggilan kecemasan.</li> <li>○ Menggunakan peralatan pemadam api.</li> <li>○ Mengosongkan bangunan.</li> <li>○ Berkumpul di tempat lapang jauh dari bangunan.</li> <li>○ Merekod kehadiran.</li> <li>○ Memindahkan mangsa kebakaran.</li> <li>○ Mendaftarkan mangsa yang tercedera.</li> </ul> </li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah dan tunjuk cara menggunakan alat pemadam api oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat.</li> <li>• Merekod lokasi pemadam api, membuat pemeriksaan label dan mencatat butiran yang terdapat pada alat tersebut.</li> <li>• Menyediakan pelan laluan kecemasan di TASKA dan tempat berkumpul.</li> <li>• Membuat lawatan dan pemerhatian aspek keselamatan di TASKA.</li> <li>• Melatih kanak-kanak menjalani latihan kebakaran.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek amalan keselamatan di TASKA.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek amalan keselamatan di TASKA.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek amalan keselamatan di TASKA.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 3.0 AMALAN KEBERSIHAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.1 Kebersihan Diri Pengasuh dan Pendidik	<p>Murid boleh:</p> <p>3.1.1 Menyenaraikan amalan kebersihan diri sebagai pengasuh dan pendidik.</p> <p>3.1.2 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan diri pengasuh dan pendidik.</p> <p>3.1.3 Mengenal pasti jenis pakaian yang sesuai untuk pengasuh dan pendidik mengikut aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pengasuhan dan pengajaran</li> <li>ii) Sukan dan aktiviti luar</li> <li>iii) Lawatan</li> <li>iv) Majlis formal</li> </ul> <p>3.1.4 Mereka cipta lakaran pakaian staf mengikut bidang tugas di TASKA:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tenaga pengasuh dan pengajar</li> <li>ii) Penyedia makanan</li> <li>iii) Pembersihan</li> </ul> <p>3.1.5 Membuat pembentangan dan memberi justifikasi hasil ciptaan lakaran pakaian.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebersihan diri pengasuh dan pendidik perlu diberi perhatian pada setiap masa: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menjaga kebersihan tubuh dan bau badan.</li> <li>○ Memakai pakaian bersih, kemas dan sesuai dengan tugas.</li> <li>○ Mencuci tangan setiap kali selepas menukar lampin dan mengendalikan bayi dan kanak-kanak.</li> <li>○ Memastikan kuku sentiasa pendek.</li> <li>○ Menanggalkan barang kemas terutama cincin semasa bertugas.</li> <li>○ Memakai alas kaki yang selesa untuk aktiviti luar TASKA.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan senarai semak menjaga kebersihan diri.</li> <li>• Membuat pemerhatian penampilan pengasuh dan pendidik di TASKA.</li> <li>• Membentangkan dapatan dari pemerhatian.</li> <li>• Menilai hasil ciptaan lakaran pakaian berdasarkan reka bentuk fesyen, corak, warna dan jenis fabrik dipilih.</li> <li>• Mengadakan pertandingan ciptaan terbaik.</li> <li>• Mempamerkan hasil ciptaan lakaran pakaian.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.2 Kebersihan Bayi dan Kanak-kanak	<p>3.2.1 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak di TASKA.</p> <p>3.2.2 Menjelaskan prosedur yang betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Memandikan bayi</li> <li>ii) Menukar lampin bayi</li> <li>iii) Sebelum dan selepas makan</li> <li>iv) Sebelum dan selepas tidur</li> <li>v) Selepas bermain</li> </ul> <p>3.2.3 Menghuraikan tanggungjawab pendidik atau pengasuh dalam penjagaan kebersihan bayi dan kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Standard kebersihan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan – perlu mengikut Garis Panduan Pengendalian Kanak-kanak di TASKA dan Pra sekolah, Kementerian Kesihatan Malaysia 2007.</li> <li>• Tanggungjawab pendidik/ pengasuh dalam aspek kebersihan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Ruang tidur dan bermain.</li> <li>○ Alat permainan.</li> <li>○ Diri bayi dan kanak-kanak.</li> <li>○ Pakaian, barangan peribadi bayi dan kanak-kanak.</li> <li>○ Bahan dan alat membersih diri bayi dan kanak-kanak.</li> <li>○ Kain-kain gelap bayi.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjemput jururawat untuk demonstrasi penjagaan kebersihan dan kesihatan bayi serta memandikan bayi.</li> <li>• Membimbing kanak-kanak dalam aspek pengurusan kebersihan diri.</li> <li>• Merekodkan keberhasilan pengurusan kebersihan diri kanak-kanak pada borang senarai semak.</li> <li>• Mencadang/ Mereka cipta serta memberi justifikasi pakaian seragam kanak-kanak di TASKA.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.3 Penjagaan Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak	<p>3.3.1 Menyenaraikan ciri-ciri bayi dan kanak-kanak yang sihat dan tidak sihat.</p> <p>3.3.2 Menerangkan rawatan yang betul bagi kanak-kanak yang mengalami masalah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Demam</li> <li>ii) Batuk</li> <li>iii) Selsema</li> <li>iv) Cirit- birit</li> <li>v) Kutu</li> <li>vi) Cacing</li> <li>vii) Malnutrisi</li> <li>viii) Lain-lain penyakit berjangkit</li> </ul> <p>3.3.3 Membuat demonstrasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengambil suhu badan</li> <li>ii) Memeriksa anggota fizikal</li> </ul> <p>3.3.4 Menyediakan log harian kesihatan secara simulasi bagi memantau suhu badan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciri-ciri sihat seperti riang, cergas dan berselera makan.</li> <li>• Ciri-ciri tidak sihat seperti mata berair dan kerap menangis.</li> <li>• Tanda dan simptom demam seperti suhu badan melebihi 37°C dan hidung berair.</li> <li>• Langkah merawat demam seperti tanggalkan pakaian kanak-kanak, letakkan tuala basah di pelipat badan seperti dicelah ketiak dan leher.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangsan tentang jenis, punca dan cara rawatan penyakit yang sering dihidapi oleh kanak-kanak seperti demam, batuk, selesema dan cirit-birit.</li> <li>• Mengumpul maklumat tentang penyakit kanak-kanak untuk dijadikan buku skrap.</li> <li>• Menjemput penceramah daripada Pusat Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak.</li> <li>• Merekod untuk mengenal pasti imunisasi yang perlu diambil oleh bayi dan kanak-kanak</li> <li>• Mengesan kanak-kanak mempunyai masalah ketidakupayaan, penderaan, gangguan emosi, kemurungan, dsbnya.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
3.4 Kebersihan TASKA	<p>3.4.1 Menerangkan kepentingan penjagaan kebersihan TASKA.</p> <p>3.4.2 Menerangkan amalan penjagaan kebersihan di dalam dan di luar bangunan TASKA.</p> <p>3.4.3 Menjelaskan langkah penjagaan kebersihan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Ruang dan sudut aktiviti di dalam TASKA</li> <li>ii) Perabot, peralatan dan bahan</li> <li>iii) Tempat simpanan perkakasan dan peralatan</li> <li>iv) Kawasan aktiviti di luar TASKA</li> <li>v) Kawasan pembuangan sisa pepejal</li> </ol> <p>3.4.4 Menyediakan Jadual Pembersihan Harian dan Mingguan di TASKA.</p> <p>3.4.5 Menghuraikan justifikasi penetapan aktiviti pembersihan dalam jadual yang disediakan.</p>	<p>Nota:</p> <p>Standard kebersihan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan – perlu mengikut Garis Panduan Pengendalian Kanak-kanak di TASKA dan Pra sekolah, Kementerian Kesihatan Malaysia 2007.</p> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerangan dan membuat simulasi tentang langkah penjagaan kebersihan: di ruang dapur (seperti mop lantai, menyapu sampah), bilik tidur (seperti membersihkan habuk), bilik air dan ruang aktiviti.</li> <li>• Menjalankan aktiviti membersihkan bilik darjah.</li> <li>• Tunjuk cara pengasingan, kitar semula dan pelupusan bahan buangan yang tertentu.</li> <li>• Menyediakan tempat rehat dan tidur yang bersih dan selesa.</li> <li>• Menyediakan pelan susun atur ruang aktiviti basah dan kering dalam TASKA</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan di TASKA.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan di TASKA.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek amalan kebersihan dan penjagaan kesihatan di TASKA.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

#### 4.0 PENJAGAAN RUTIN HARIAN KANAK-KANAK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>4.1 Amalan Asuhan di TASKA</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>4.1.1 Menjelaskan kepentingan layanan serta amalan baik terhadap bayi dan kanak-kanak di TASKA.</p> <p>4.1.2 Menerangkan amalan asuhan yang positif oleh pendidik atau pengasuh terhadap bayi dan kanak-kanak ketika:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menyambut ketibaan</li> <li>ii) Membersihkan diri</li> <li>iii) Makan</li> <li>iv) Belajar</li> <li>v) Bermain dan menjalankan aktiviti luar</li> <li>vi) Rehat dan tidur</li> <li>vii) Pulang ke rumah</li> </ul> <p>4.1.3 Tunjuk cara amalan asuhan yang positif mengikut aktiviti rutin harian bayi dan kanak-kanak seperti di TASKA.</p> <p>4.1.4 Menghuraikan kesan amalan asuhan positif dan negatif terhadap perkembangan sahsiah serta emosi bayi dan kanak-kanak.</p> <p>4.1.5 Menghasilkan panduan amalan asuhan positif dan negatif untuk pendidik atau pengasuh.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan asuhan yang positif: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyebutkan ucapan bertata susila semasa menyambut ketibaan kanak-kanak.</li> <li>○ Menyambut kanak-kanak serta beg yang dibawa dan menerima pesanan.</li> <li>○ Menyerahkan kanak-kanak kepada waris semasa kepulangan dan menyampaikan maklumat perkembangan kanak-kanak pada hari tersebut.</li> <li>○ Memberi layanan dan respons yang mesra.</li> </ul> </li> <li>• Maklumat tentang perkembangan sahsiah, sosio-emosi serta kerohanian bayi dan kanak-kanak terdapat dalam Modul 6.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangsan murid bagi tajuk tertentu.</li> <li>• Menonton klip video berkaitan.</li> <li>• Perbincangan dan pembentangan kumpulan.</li> <li>• Menggunakan peta pemikiran.</li> <li>• Melakar pelan lantai susun atur perabot tempat rehat yang kondusif.</li> <li>• Menyediakan persekitaran yang selesa dan ceria di TASKA.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.2 Bimbingan Urus Diri Kanak-Kanak	<p>4.2.1 Menyenaikan kemahiran urus diri yang sesuai dengan kebolehan dan peringkat umur kanak-kanak.</p> <p>4.2.2 Menerangkan kepentingan kemahiran urus diri bagi kanak-kanak.</p> <p>4.2.3 Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek penjagaan kebersihan diri:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mencuci tangan</li> <li>ii) Memberus gigi</li> <li>iii) Menggunakan tandas</li> <li>iv) Mandi sendiri</li> <li>v) Memakai pakaian dan hias diri</li> </ul> <p>4.2.4 Melatih dan membimbing kanak-kanak dengan betul dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kemahiran sosial</li> <li>ii) Urus diri waktu tidur</li> <li>iii) Penjagaan barang mainan</li> <li>iv) Penjagaan kebersihan persekitaran</li> <li>v) Urus diri waktu pulang</li> </ul> <p>4.2.5 Menulis refleksi dan cadangan menambah baik pelaksanaan aktiviti latihan urus diri kanak-kanak.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara berkumpulan menyenaikan aktiviti sebelum, semasa dan selepas mengadakan latihan urus diri kanak-kanak.</li> <li>• Merancang dan melaksanakan aktiviti di TASKA.</li> <li>• Menyedia tempat rehat dan tempat tidur kanak-kanak yang selesa.</li> <li>• Menyediakan senarai semak rekod keberhasilan pengurusan kebersihan diri kanak-kanak.</li> <li>• Mempraktikkan cara penjagaan harian serta penjagaan kebersihan dan kesihatan kanak-kanak.</li> <li>• Mengadakan sesi refleksi, iaitu mengimbas semula tentang pelaksanaan aktiviti dengan mengenal pasti kekuatan dan memberi cadangan pengukuhan, serta kelemahan dan cadangan penambahbaikan dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Teknik/ kaedah</li> <li>○ Bahan/ alat</li> <li>○ Ruang/ tempat aktiviti</li> <li>○ Pengurusan kanak-kanak, dsbnya.</li> </ul> </li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.3 Pembentukan Tingkah Laku Positif	<p>4.3.1 Menyenaikan tingkah laku positif dan tingkah laku negatif kanak-kanak.</p> <p>4.3.2 Mengenal pasti punca tingkah laku negatif dalam kalangan kanak-kanak.</p> <p>4.3.3 Menjelaskan kepentingan pembentukan tingkah laku positif kanak-kanak.</p> <p>4.3.4 Menganalisis tingkah laku positif dan negatif kanak-kanak.</p> <p>4.3.5 Memberi cadangan modifikasi tingkah laku terhadap perlakuan positif dan negatif kanak-kanak.</p> <p>4.3.6 Menjana idea mengenai kaedah yang betul untuk membantu kanak-kanak membentuk tingkah laku positif.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maksud tingkah laku positif: perbuatan/ kelakuan/ gerak geri/ perangai yang baik dan diterima oleh orang lain.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan Peta Pemikiran dan Teknik Pembelajaran Abad Ke 21.</li> <li>• Melayari internet untuk mendapatkan maklumat.</li> <li>• Membincang dan membentangkan tentang penyelesaian isu yang dikemukakan.</li> <li>• Merancang dan melaksanakan aktiviti yang boleh membentuk tingkah laku positif kanak-kanak (spt amalan untuk disiplin sendiri, kerohanian, nilai dan sikap patriotism).</li> <li>• Menunjukkan cara dan membimbing kanak-kanak menyediakan, mengemas tempat rehat dan tempat tidur.</li> <li>• Mengadakan forum tentang cara membentuk tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak.</li> <li>• Menghasilkan klip video.</li> <li>• Merakam lakonan situasi serta cara mengurus tingkah laku positif dan tingkah laku negatif kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
4.4 Kanak-kanak Berkeperluan Khas	<p>4.4.1 Menyatakan maksud kanak-kanak berkeperluan khas.</p> <p>4.4.2 Menerangkan kepentingan penjagaan yang rapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas.</p> <p>4.4.3 Menghuraikan aspek berkaitan kanak-kanak berkeperluan khas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tanda awal dan ciri</li> <li>ii) Perkhidmatan rawatan yang disediakan oleh pihak berkaitan</li> <li>iii) Tanggungjawab dan peranan pendidik atau pengasuh memberi perkhidmatan awal</li> <li>iv) Persediaan aktiviti, bahan dan peralatan di TASKA</li> </ul> <p>4.4.4 Menghasilkan dokumentasi maklumat tentang kanak-kanak berkeperluan khas.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak Berkeperluan Khas, mempunyai masalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Fizikal (Cacat Fizikal, Buta, Sumbing)</li> <li>○ Petuturan (Gagap, Pelat, Bisu)</li> <li>○ Kesihatan (Asma, Leukemia, <i>Thalesemia</i>)</li> <li>○ Emosi (Pemalu, Takut, Mangsa Dera, Terbiar)</li> <li>○ Mental (Lembam, Disleksia)</li> <li>○ Tingkah laku (Austisme, <i>Hyperactive</i>)</li> <li>○ Sindrom <i>Down</i></li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakonan keadaan orang kurang upaya (OKU) dan cuba diteka oleh rakan-rakan,</li> <li>• Meneroka dan mencatat maklumat tentang kanak-kanak berkeperluan khas dari pelbagai sumber.</li> <li>• Membuat pembentangan dapatan menggunakan TMK.</li> <li>• Menyediakan kompilasi maklumat dalam bentuk buku skrap, fail, jurnal, <i>power point</i>, dsbnya.</li> <li>• Merancang dan menjalankan aktiviti berjadual untuk kanak-kanak berkeperluan khas.</li> <li>• Mengadakan aktiviti untuk menggalakkan penerimaan kanak-kanak normal terhadap kanak-kanak berkeperluan khas.</li> <li>• Menganjur aktiviti bersama ahli keluarga dan komuniti untuk memperkukuh nilai kemanusiaan terhadap warga yang berkeperluan khas.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek penjagaan rutin harian kanak-kanak di TASKA.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek penjagaan rutin harian kanak-kanak di TASKA.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek penjagaan rutin harian kanak-kanak di TASKA.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 5.0 PENYEDIAAN MAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.1 Makanan, Nutrien dan Fungsinya	Murid boleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>5.1.1 Menyatakan kepentingan pengambilan makanan yang berkhasiat.</li> <li>5.1.2 Menerangkan lima jenis nutrien, fungsi dan sumber makanannya.</li> <li>5.1.3 Menerangkan kesan lebihan dan kekurangan nutrien.</li> <li>5.1.4 Menerangkan definisi pelawas serta fungsi pelawas dan air.</li> <li>5.1.5 Menilai dan merumus kandungan nutrien pada label pembungkusan makanan bayi dan kanak-kanak.</li> <li>5.1.6 Membuat pembentangan tentang rumusan yang sediakan.</li> <li>5.1.7 Menghasilkan panduan amalan pemilihan dan pengambilan bahan makanan yang berkualiti, berkhasiat serta seimbang untuk kesihatan bayi dan kanak-kanak.</li> </ul>	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis dan fungsi nutrien yang utama: protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan mineral</li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneroka kepelbagaian kandungan makanan dan kumpulan makanan melalui internet</li> <li>• Mencari maklumat dari pelbagai sumber tentang penyakit berkaitan dengan pemakanan</li> <li>• Membuat buku skrap tentang makanan dan jenis kandungan nutriennya.</li> <li>• Menjemput penceramah bidang pemakanan dan kesihatan khas unuk bayi dan kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.2 Makanan Seimbang untuk Bayi dan Kanak-kanak	<p>5.2.1 Menyatakan definisi makanan seimbang.</p> <p>5.2.2 Memberi contoh sajian seimbang serta berkhasiat untuk hidangan makan tengahari bayi dan kanak-kanak berdasarkan peringkat umur:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) 6 – 8 bulan</li> <li>ii) 9 – 11 bulan</li> <li>iii) 1 - 2 tahun</li> <li>iv) 3 - 4 tahun</li> </ul> <p>5.2.3 Mengenal ciri bayi dan kanak-kanak yang tidak mendapat makanan seimbang.</p> <p>5.2.4 Menerangkan konsep Piramid Makanan dan kegunaannya.</p> <p>5.2.5 Membina model Piramid Makanan bagi pengambilan bahan makanan mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak.</p> <p>5.2.6 Membuat pembentangan tentang justifikasi pemilihan makanan berdasarkan model yang dibina.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Makanan seimbang ialah sajian makanan yang mengandungi kesemua nutrien yang diperlukan oleh tubuh untuk tumbesaran dan memelihara kesihatan.</li> <li>• Contoh menu sajian/ hidangan seimbang: <ul style="list-style-type: none"> <li>-nasi putih</li> <li>-sup sayur</li> <li>-ayam bakar</li> <li>-buah betik atau jus buah</li> <li>-air suam</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan risalah berkaitan makanan seimbang dari pusat kesihatan.</li> <li>• Perbincangan dan pembentangan Panduan Pemilihan Amalan Pemakanan (Piramid Makanan).</li> <li>• Menyediakan model piramid makanan dari bahan terpakai/ terbuang.</li> <li>• Menampal contoh gambar makanan pada model piramid makanan yang disediakan.</li> <li>• Membentangkan hasil perbincangan dan mengendalikan sesi soal jawab.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.3 Perancangan Menu untuk Bayi dan Kanak-kanak	5.3.1 Menyatakan definisi menu dan perancangan menu. 5.3.2 Menjelaskan kepentingan perancangan menu. 5.3.3 Menerangkan faktor mempengaruhi perancangan menu untuk bayi dan kanak-kanak. 5.3.4 Menyediakan cadangan menu harian dan menu pusingan untuk pelaksanaan di TASKA. 5.3.5 Memilih resipi yang sesuai untuk bayi dan kanak-kanak mengikut peringkat umur. 5.3.6 Menyediakan rancangan kerja penyediaan makanan untuk bayi dan kanak-kanak berdasarkan cadangan menu harian dan resipi yang dipilih. 5.3.7 Mengira jumlah kos hidangan yang disediakan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menu harian adalah menu yang disediakan untuk hidangan seharian.</li> <li>• Menu pusingan adalah dua atau beberapa menu mingguan yang dirancang untuk digunakan secara bergilir.</li> <li>• Faktor merancang menu:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Keperluan dan keseimbangan nutrien</li> <li>○ Merujuk Piramid Makanan</li> <li>○ Memilih resipi yang sesuai mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak</li> <li>○ Memilih bahan makanan segar dan berkhasiat</li> <li>○ Waktu sajian</li> <li>○ Selera dan minat kanak-kanak</li> <li>○ Kombinasi rupa, warna, tekstur dan rasa</li> <li>○ Persediaan bahan masakan dan kos</li> <li>○ Pelbagai kaedah memasak</li> <li>○ Peralatan dan tempat memasak</li> </ul> </li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang hidangan harian mengikut peringkat umur bayi dan kanak-kanak oleh kumpulan murid.</li> <li>• Menyediakan senarai semak kesesuaian menu.</li> <li>• Menilai contoh hidangan dari aspek kesesuaian mengikut kumpulan makanan, porsi, tekstur, rasa dan warna.</li> <li>• Menghasilkan kompilasi resipi hidangan atau makanan yang sesuai serta berkhasiat untuk bayi dan kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.4 Penyediaan Makanan untuk Bayi dan Kanak-kanak	5.4.1 Menyediakan botol susu dan bancuhan susu formula untuk bayi mengikut sukatan yang betul dengan cara yang bersih serta selamat. 5.4.2 Menerangkan kaedah memasak yang sesuai untuk penyediaan makanan bayi dan kanak-kanak. 5.4.3 Menyediakan alatan memasak dan bahan masakan berdasarkan resipi yang dipilih. 5.4.4 Memasak mengikut kaedah yang betul bagi mengekalkan khasiat makanan untuk bayi dan kanak-kanak. 5.4.5 Menghidang makanan mengikut peringkat umur kanak-kanak. 5.4.6 Menilai hasil masakan dari segi rupa, warna, rasa, aroma, tekstur, bentuk dan cara menghidang. 5.4.7 Menulis refleksi berdasarkan penilaian hidangan yang disediakan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sanitasi makanan dan persekitaran hendaklah diutamakan semasa amali masakan seperti membersihkan bahan masakan terlebih dahulu dan menggunakan peralatan yang bersih semasa penyediaan makanan.</li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangsan dan membincangkan kelebihan dan kekurangan susu formula berbanding susu ibu.</li> <li>• Mendapatkan resipi dari pelbagai sumber (majalah, buku resipi, internet).</li> <li>• Menyediakan buku koleksi resipi bayi dan kanak-kanak.</li> <li>• Bertukar-tukar resipi sesama rakan.</li> <li>• Tayangan video program masakan.</li> <li>• Demonstrasi guru, contoh:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyediakan bahan (mengikut porsi hidangan, bentuk potongan)</li> <li>○ Proses memasak</li> <li>○ Hiasan pada hidangan</li> <li>○ Cara menghidang</li> </ul> </li> <li>• Menyediakan makanan bayi dan kanak-kanak. Contoh: puri betik, kentang lecek dan bubur nasi untuk bayi, Bihun sup, bijirin + susu untuk kanak-kanak</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
5.5 Adab Makan	<p>5.5.1 Menyenaikan adab makan yang baik dan sesuai untuk amalan kanak-kanak di TASKA.</p> <p>5.5.2 Menerangkan kepentingan kanak-kanak TASKA diasuh dengan adab dan tabiat makan yang baik.</p> <p>5.5.3 Menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak peringkat umur 3 hingga 4 tahun:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menyiapkan meja makan</li> <li>ii) Menghidang makanan</li> <li>iii) Makan dengan adab yang betul</li> <li>iv) Membersihkan meja selepas makan</li> </ul> <p>5.5.4 Membimbing dan menggalakkan kanak-kanak makan dengan adab makan yang baik.</p> <p>5.5.5 Menulis refleksi berdasarkan aktiviti tentang adap makan yang dilaksanakan.</p>	<p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan melaksanakan aktiviti di TASKA atau di premis sekolah dengan mendapatkan kerjasama dari warga sekolah yang mempunyai anak berumur 3 hingga 4 tahun.</li> <li>• Murid membimbing kanak-kanak mengamalkan etika dan tabiat makan yang baik seperti baca doa makan, duduk tertib, basuh tangan sebelum dan selepas makan dan tidak gelojoh semasa makan.</li> <li>• Menunjukkan cara makan pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India.</li> <li>• Mengamalkan sifat mesra dan sabar semasa melayan bayi dan kanak-kanak makan.</li> <li>• Menghasilkan contoh bahan bantu, poster, peta minda dan riasalah berkaitan adab dan etika makan.</li> <li>• Membantu kanak-kanak menyelesaikan masalah tabiat makan yang kurang baik secara berhemah.</li> <li>• Mendokumentasikan bahan rujukan dan aktiviti atau amali yang dilaksanakan.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek penyediaan makanan di TASKA.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek penyediaan makanan di TASKA.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek penyediaan makanan di TASKA.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 6.0 PERKEMBANGAN SAHSIAH, SOSIO-EMOSI DAN KEROHANIAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>6.1 Pengenalan kepada Perkembangan Sahsia, Sosio-emosi dan Kerohanian</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>6.1.1 Menyatakan definisi sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.</p> <p>6.1.2 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan sahsiah, emosi, sosio-emosi dan nilai kerohanian mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.</p> <p>6.1.3 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan sahsiah, emosi dan sosial kanak-kanak.</p> <p>6.1.4 Menerangkan kepentingan perkhidmatan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak ke atas perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian mereka.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti membentuk sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian (SSK): <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Nyanyian</li> <li>○ Main peranan</li> <li>○ Pendidikan Kerohanian</li> <li>○ Lawatan</li> </ul> </li> <li>• Faktor mempengaruhi perkembangan SSK: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Keturunan</li> <li>○ Budaya dan kepercayaan beragama</li> <li>○ Persekitaran</li> <li>○ Kesihatan</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membincangkan ciri-ciri lagu yang diminati oleh kanak-kanak.</li> <li>• Menggubah seni kata lagu yang sesuai untuk kanak-kanak.</li> <li>• Menghasilkan buku koleksi lagu kanak-kanak dalam pelbagai bahasa.</li> <li>• Menyediakan perhiasan dan kostum yang sesuai.</li> <li>• Membimbing kanak-kanak menyanyi lagu kebangsaan Negaraku dan lagu2 patriotik dengan penuh semangat.</li> <li>• Membimbing kanak-kanak menyanyi dengan perasaan gembira dan ceria.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>6.2 Perkembangan Sahsia, Sosio-emosi dan Kerohanian melalui Nyanyian</p>	<p>6.2.1 Menyenaikan kaedah menyanyi bagi kanak-kanak.</p> <p>6.2.2 Menyatakan ciri-ciri lagu kanak-kanak beserta contoh tajuk lagu.</p> <p>6.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti nyanyian terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.</p> <p>6.2.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Nyanyian yang mengikut format.</p> <p>6.2.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.</p> <p>6.2.6 Melaksanakan aktiviti nyanyian berdasarkan perancangan.</p> <p>6.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti nyanyian dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas.</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar.</li> <li>iii) Kesesuaian penggunaan kaedah menyanyi.</li> </ul> <p>6.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti nyanyian.</p> <p>6.2.9 Menghasilkan koleksi lagu kanak-kanak dalam bentuk yang kreatif atau inovatif.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahan dan alat bantu mengajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Alat muzik/ perkusi (Marakas, kayu tik tok, tamborin, gitar, alat-alat improvisasi)</li> <li>○ VCD, pembesar suara, TMK, poster, dsbnya.</li> <li>○ Kostum (topi kertas, kipas kertas, bunga, sayap, belon, gelung, dsbnya)</li> </ul> </li> <li>• Format penulisan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) pembelajaran kanak-kanak dan pengelolaan aktiviti disediakan meliputi sub topik: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Tarikh:</li> <li>○ Hari:</li> <li>○ Masa:</li> <li>○ Umur Kanak-kanak:</li> <li>○ Bilangan Kanak-kanak:</li> <li>○ Tema (jika ada):</li> <li>○ Tajuk Aktiviti:</li> <li>○ Bidang Pembelajaran/ Fokus: (pilih satu: SSK/ BKLA/ FIZ/ PMPL/ DPDP/ EDK)</li> <li>○ Pengetahuan Sedia Ada Kanak-kanak:</li> <li>○ Objektif/ Hasil Pembelajaran:</li> <li>○ Senarai Bahan dan Alat:</li> <li>○ Ruang Aktiviti:</li> <li>○ Langkah Pelaksanaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemulaan</li> <li>- Pengembangan kandungan PdP</li> <li>- Langkah kontigensi</li> <li>- Penutup</li> </ul> </li> <li>○ Pengawasan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Keselamatan</li> <li>- Kebersihan</li> <li>- Kesihatan</li> </ul> </li> <li>○ Penilaian dan Refleksi</li> </ul> </li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
6.3 Perkembangan Sahsia, Sosio-emosi dan Kerohanian melalui Main Peranan	<p>6.3.1 Menyenaraikan aktiviti main peranan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.</p> <p>6.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti main peranan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.</p> <p>6.3.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Main Peranan yang mengikut format.</p> <p>6.3.4 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.</p> <p>6.3.5 Melaksanakan aktiviti main peranan atau lakonan mengikut situasi seperti yang dirancang.</p> <p>6.3.6 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti main peranan dalam aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas.</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar.</li> </ol> <p>6.3.7 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>6.3.8 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti main peranan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti main peranan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Tempat awam: Pejabat pos, bomba, pasar raya, tandas awam, dsbnya.</li> <li>○ Profesion: Main cikgu-cikgu, doktor dengan pesakit, pekedai dengan pembeli.</li> <li>○ Keluarga: main masak-masak, main solek-solek, dsbnya</li> <li>○ Situasi: Gelap, malam, suka, gembira, sedih, takut, dsbnya</li> </ul> </li> <li>• Persediaan sebelum aktiviti main peranan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pemilihan kostum</li> <li>○ Penyediaan ruang</li> </ul> </li> <li>• Contoh bahan dan alat bantu mengajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Set memasak</li> <li>○ Set persolekan</li> <li>○ Set pertukangan</li> <li>○ Set bilik tidur</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video berkaitan.</li> <li>• Mencari maklumat dari Internet.</li> <li>• Merancang, menyedia dan melaksanakan aktiviti di TASKA.</li> <li>• Mendokumentasikan aktiviti yang telah dijalankan.</li> <li>• Membuat catatan tingkah laku dan emosi kanak-kanak mengikut peranan serta situasi dalam aktiviti main peranan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
6.4 Perkembangan Sahsia, Sosio-emosi dan Kerohanian melalui Pendidikan Kerohanian	<p>6.4.1 Menyenaraikan aspek kerohanian pada diri individu.</p> <p>6.4.2 Menerangkan kepentingan pendidikan kerohanian terhadap kanak-kanak.</p> <p>6.4.3 Merancang aktiviti kerohanian untuk amalan kanak-kanak.</p> <p>6.4.4 Melaksanakan aktiviti kerohanian berdasarkan perancangan.</p> <p>6.4.5 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti kerohanian.</p> <p>6.4.6 Membuat pembentangan hasil aktiviti kerohanian yang dilaksanakan.</p> <p>6.4.7 Mencadangkan kaedah yang lebih berkesan untuk penerapan nilai kerohanian dalam diri kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aspek kerohanian: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Keyakinan kepada Tuhan</li> <li>○ Kepercayaan kepada agama</li> <li>○ Kemantapan, penghayatan dan amalan nilai murni</li> <li>○ Penghayatan dan amalan norma masyarakat</li> <li>○ Beretika dan bermoral tinggi</li> </ul> </li> <li>• Contoh aktiviti kerohanian: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Berdoa sebelum makan</li> <li>○ Bersembahyang</li> <li>○ Rajin belajar</li> <li>○ Hormat kepada ilmu dan guru</li> <li>○ Menyebut kalimah syahadah, amali solat dan sirah Nabi (bagi yang beragama Islam)</li> <li>○ Amalan bersyukur, menghormati tempat ibadah dan menghormati agama lain.</li> </ul> </li> <li>• Bahan bantu mengajar untuk aktiviti kerohanian: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Poster/ Carta</li> <li>○ VCD nasyid</li> <li>○ Klip video</li> <li>○ Pakaian dan peralatan solat</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengajar kanak-kanak membaca doa, ayat-ayat mudah.</li> <li>• Menunjuk cara adap menghormati orang tua, guru dan rakan.</li> <li>• Simulasi atau lakonan bersama-sama rakan di dalam kelas.</li> <li>• Membincangkan kepentingan menghormati pegangan agama yang berbeza dalam kalangan kanak-kanak di TASKA.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>6.5 Perkembangan Sahsia, Sosio-emosi dan Kerohanian melalui Lawatan</p>	<p>6.5.1 Menyenaraikan tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak TASKA.</p> <p>6.5.2 Menerangkan kepentingan aktiviti lawatan terhadap perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian kanak-kanak.</p> <p>6.5.3 Merancang aktiviti lawatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Sebelum</li> <li>ii) Semasa</li> <li>iii) Selepas</li> </ul> <p>6.5.4 Menyediakan kertas cadangan untuk mengadakan lawatan mengikut format yang betul.</p> <p>6.5.5 Menilai kertas cadangan yang dihasilkan berdasarkan senarai semak.</p> <p>6.5.6 Menghasilkan dokumentasi bahan atau maklumat tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh tempat lawatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ TASKA di premis lain dan TADIKA</li> <li>○ Zoo, Taman Burung</li> <li>○ Muzium Negara</li> <li>○ Petrosains</li> <li>○ Pusat Sains Negara</li> <li>○ Perpustakaan, Pejabat Pos</li> <li>○ Taman Bunga, Dusun</li> <li>○ Kereta api, ETS, Komuter, Monorel dan lain-lain.</li> </ul> </li> <li>• Prosedur persediaan sebelum, semasa dan selepas aktiviti lawatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Surat rasmi kebenaran lawatan</li> <li>○ Surat kebenaran ibu bapa</li> </ul> </li> <li>• Senarai semak disediakan.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton klip video berkaitan tempat lawatan yang sesuai untuk kanak-kanak.</li> <li>• Mencari maklumat dari Internet.</li> <li>• Membuat buku skrap atau fail untuk menyimpan maklumat.</li> <li>• Mengadakan lawatan.</li> <li>• Menghasilkan klip video aktiviti lawatan.</li> <li>• Menyediakan laporan lawatan.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.



## 7.0 PERKEMBANGAN BAHASA, KOMUNIKASI DAN LITERASI AWAL

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>7.1 Pengenalan kepada Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>7.1.1 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA.</p> <p>7.1.2 Menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.</p> <p>7.1.3 Berkomunikasi dengan jelas dalam bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti bahasa, komunikasi dan literasi awal (BKLA):             <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bercerita</li> <li>○ Membaca</li> <li>○ Menulis</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjemput penceramah untuk berkongsi ilmu dan pengalaman tentang pelaksanaan aktiviti bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.</li> <li>• Menonton klip video berkaitan.</li> <li>• Mencari maklumat dari Internet.</li> <li>• Menyediakan senarai semak untuk aktiviti pemerhatian.</li> <li>• Membuat pemerhatian secara berkumpulan di beberapa TASKA.</li> <li>• Membuat pembentangan menggunakan TMK atau kaedah lain yang kreatif.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.2 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal melalui Bercerita	<p>7.2.1 Menyatakan kepentingan aktiviti bercerita terhadap perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal kanak-kanak.</p> <p>7.2.2 Menerangkan konsep cerita kanak-kanak dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Jenis</li> <li>ii) Ciri-ciri</li> <li>iii) Teknik</li> <li>iv) Kaedah</li> </ul> <p>7.2.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Bercerita yang mengikut format.</p> <p>7.2.4 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.</p> <p>7.2.5 Melaksanakan aktiviti bercerita berdasarkan perancangan.</p> <p>7.2.6 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti bercerita dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar</li> <li>iii) Kesesuaian penggunaan teknik dan kaedah bercerita</li> </ul> <p>7.2.7 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>7.2.8 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti bercerita.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis cerita: Cerita haiwan/ binatang, fantasi, pahlawan/ adiwira, agama, sejarah, lagenda, asal usul dan kenegaraan- lambang dan mercu tanda negara.</li> <li>• Ciri-ciri cerita: tema, isi cerita, plot, bahasa dan watak.</li> <li>• Teknik bercerita: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Suara</li> <li>○ Gerak badan</li> <li>○ Mimik muka</li> <li>○ Nyanyian dan puisi</li> <li>○ Komunikasi dua hala</li> <li>○ Jeda- berhenti sebentar untuk beri kesan cerita</li> </ul> </li> <li>• Kaedah bercerita: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Tanpa penggunaan bahan bantu/ secara lisan.</li> <li>○ Menggunakan bahan bantu mengajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Buku bergambar</li> <li>- Buku besar</li> <li>- <i>Busy book</i></li> <li>- Kad imbasan</li> <li>- Teka teki</li> <li>- Bahan maujud</li> <li>- Lakonan</li> <li>- Boneka</li> <li>- Pentas boneka.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>• Berinteraksi dengan mesra dan berkomunikasi dengan jelas semasa bercerita.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.3 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal melalui Membaca	<p>7.3.1 Menyatakan maksud prabacaan dan awal bacaan.</p> <p>7.3.2 Mengenal tahap kesediaan membaca kanak-kanak.</p> <p>7.3.3 Menerangkan faktor yang mempengaruhi kesediaan membaca kanak-kanak.</p> <p>7.3.4 Meyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Membaca yang mengikut format.</p> <p>7.3.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif atau inovatif serta ruang yang sesuai.</p> <p>7.3.6 Melaksanakan aktiviti prabacaan dan awal bacaan berdasarkan perancangan.</p> <p>7.3.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti membaca dalam aspek:</p> <p style="padding-left: 40px;">i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</p> <p style="padding-left: 40px;">ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar</p> <p>7.3.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>7.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti membaca.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesediaan membaca kanak-kanak: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menunjukkan minat terhadap buku</li> <li>○ Minta orang dewasa membacakan buku</li> <li>○ Meniru bunyi yang didengar</li> <li>○ Mengaitkan bunyi yang didengar dengan benda yang sebenar</li> </ul> </li> <li>• Bahan dan alat bantu mengajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Alat permainan berkonsepkan huruf</li> <li>○ Kad imbasan/ huruf bergambar/ kinestatik</li> <li>○ Kad padanan</li> <li>○ Buku besar/ cerita</li> <li>○ <i>Puzzle</i></li> <li>○ Perisian TMK.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton klip video berkaitan.</li> <li>• Mencari maklumat dari Internet.</li> <li>• Membuat pemerhatian ke atas tahap kesediaan membaca kanak-kanak.</li> <li>• Pembentangan maklumat menggunakan TMK atau kaedah lain yang kreatif.</li> <li>• Menyediakan rakaman pelbagai bunyi untuk didengari dan ditiru bunyi berkenaan oleh kanak-kanak.</li> <li>• Memasarkan bahan bantu mengajar yang dihasilkan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
7.4 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal melalui Menulis	<p>7.4.1 Menyatakan maksud pratulis dan awal tulisan.</p> <p>7.4.2 Menyenaikan aktiviti pratulis dan awal tulisan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.</p> <p>7.4.3 Mengenal kesediaan kemahiran kanak-kanak dalam pratulis dan awal tulisan.</p> <p>7.4.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti Menulis yang mengikut format.</p> <p>7.4.5 Menyediakan bahan bantu mengajar serta ruang yang sesuai.</p> <p>7.4.6 Melaksanakan aktiviti pratulis dan awal berdasarkan perancangan.</p> <p>7.4.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar</li> </ul> <p>7.4.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>7.4.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti menulis.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti pratulis: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menconteng</li> <li>○ Membuat corak menggunakan pelbagai bahan.</li> <li>○ Menulis di udara</li> <li>○ Menekap huruf</li> <li>○ Melengkapkan huruf</li> <li>○ Menyambung titik-titik huruf</li> <li>○ Menyalin huruf daripada kad</li> <li>○ Menekap huruf dengan menggunakan acuan huruf</li> </ul> </li> <li>• Kesediaan menulis kanak-kanak: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kesediaan otot</li> <li>○ Koordinasi mata dan tangan</li> <li>○ Cara memegang alat tulis</li> <li>○ Pergerakan asas</li> <li>○ Mengenal huruf</li> <li>○ Biasa dengan sumber bahan bercetak</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan bahan seperti pasir atau garam untuk latihan menulis menggunakan jari.</li> <li>• Membimbing kanak-kanak menulis dengan sabar dan mesra.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.



Standard Kandungan,  
Standard Pembelajaran  
dan Standard Prestasi  
Tingkatan 5





## 8.0 PERKEMBANGAN FIZIKAL

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>8.1 Pengenalan kepada Perkembangan Fizikal Bayi dan Kanak-Kanak</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>8.1.1 Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkembangan fizikal bayi dan kanak-kanak.</p> <p>8.1.2 Menjelaskan maksud:</p> <p>i) Kemahiran Motor Kasar</p> <p>ii) Kemahiran Motor Halus</p> <p>8.1.3 Mengukur ketinggian serta berat badan kanak-kanak pada peringkat umur 1 hingga 4 tahun dan merekodkan data diperolehi.</p> <p>8.1.4 Menganalisis data berdasarkan aspek perkembangan fizikal kanak-kanak.</p> <p>8.1.5 Menyediakan laporan perkembangan fizikal kanak-kanak berdasarkan analisis yang dilaksanakan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan fizikal: Keupayaan kanak-kanak menggunakan dan mengawal koordinasi pergerakan motor kasar dan motor halus.</li> <li>• Faktor mempengaruhi: Baka, kesihatan, pemakanan, keadaan janin dalam kandungan, keadaan persekitaran dan gangguan emosi.</li> <li>• Pergerakan Motor Kasar: pergerakan melibatkan anggota badan seperti berjalan, berlari, melompat dan menendang.</li> <li>• Pergerakan Motor Halus: pergerakan melibatkan otot dan jari serta koordinasi mata dan tangan.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempatkan murid di beberapa TASKA untuk membuat aktiviti mendapatkan data.</li> <li>• Pembentangan menggunakan TMK atau kaedah lain yang sesuai.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
8.2 Perkembangan Fizikal melalui Permainan Fizikal	<p>8.2.1 Menyatakan maksud permainan fizikal dan kaitannya dengan kemahiran motor kasar.</p> <p>8.2.2 Menyenaraikan aktiviti motor kasar yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.</p> <p>8.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti motor kasar terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.</p> <p>8.2.4 Meyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.</p> <p>8.2.5 Menyediakan peralatan dan ruang yang sesuai untuk aktiviti motor kasar.</p> <p>8.2.6 Melaksanakan aktiviti motor kasar bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.</p> <p>8.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor kasar dalam aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</li> </ol> <p>8.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>8.2.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti permainan fizikal.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Motor Kasar: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Berlari</li> <li>○ Melompat</li> <li>○ Mengayuh basikal</li> <li>○ Merangkak</li> <li>○ Membaling</li> </ul> </li> <li>• Alatan aktiviti motor kasar: Basikal, trumplin, gelung rotan, bola, tali <i>skipping</i>.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton klip video berkaitan aktiviti fizikal kanak-kanak.</li> <li>• Menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak melakukan kemahiran motor kasar dengan betul seperti berbaris, berjalan, menjenket, melompat, berlari, menghayun tangan, melambong dan menyambut benda.</li> <li>• Mereka cipta permainan fizikal yang kreatif dan inovatif untuk aktiviti kanak-kanak.</li> <li>• Membuat pameran bahan permainan fizikal hasil reka cipta.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
8.3 Perkembangan Fizikal melalui Permainan Manipulatif	<p>8.3.1 Menyatakan maksud permainan manipulatif dan kaitannya dengan kemahiran motor halus.</p> <p>8.3.2 Menyenaraikan aktiviti motor halus yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.</p> <p>8.3.3 Menerangkan kepentingan aktiviti motor halus terhadap perkembangan fizikal kanak-kanak.</p> <p>8.3.4 Meyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.</p> <p>8.3.5 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar serta ruang yang sesuai.</p> <p>8.3.6 Melaksanakan aktiviti motor halus bersama-sama kanak-kanak berdasarkan perancangan.</p> <p>8.3.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti motor halus dalam aspek:</p> <p style="margin-left: 40px;">i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</p> <p style="margin-left: 40px;">ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</p> <p>8.3.8 Memberi cadangan penambahbaikkan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>8.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti permainan manipulatif.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti motor halus: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Manipulasi doh</li> <li>○ Mengoyak kertas</li> <li>○ Menguntai manik</li> <li>○ Membutang baju</li> <li>○ Menganyam</li> <li>○ Menguli doh</li> <li>○ Mengikat tali kasut</li> <li>○ Menyusun blok</li> <li>○ Melukis</li> <li>○ Menulis</li> </ul> </li> <li>• Bahan dan alatan aktiviti motor halus: butang, manik kasar, benang kasar, jarum kasar yang tumpul, pencil, kertas warna, tali, doh, daun, air, pasir</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka bentuk dan menghasilkan bahan atau alatan permainan manipulatif menggunakan bahan pelbagai tekstur.</li> <li>• Menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak menggunakan tangan dan jari untuk melakukan aktiviti motor halus.</li> <li>• Menunjuk cara dan membimbing kanak-kanak untuk melakukan kemahiran koordinasi mata dan tangan seperti menuang air ke bekas, memasang butang baju, dan memakai sarung kaki.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan fizikal.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan fizikal.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan fizikal.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 9.0 PERKEMBANGAN AWAL MATEMATIK DAN PEMIKIRAN LOGIK

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>9.1 Pengenalan kepada Perkembangan Awal Matematik dan Pemikiran Logik</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>9.1.1 Menyatakan maksud awal matematik dan pemikiran logik.</p> <p>9.1.2 Menjelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan awal matematik dan pemikiran logik kanak-kanak.</p> <p>9.1.3 Menerangkan kaedah untuk menggalakkan perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.</p> <p>9.1.4 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang kreatif atau inovatif untuk aktiviti awal matematik dan pemikiran logik.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Awal Matematik: Kanak-kanak kecil memahami tentang bentuk, kuantiti, ruang, dimensi/ kedudukan, corak, masa, awal nombor, perwakilan nombor dan operasi nombor.</li> <li>• Konsep Pemikiran Logik: Kanak-kanak mengalami proses berfikir yang berasaskan penaakulan iaitu memberi sebab atau alasan kepada sesuatu perkara, atau memikirkan kesan atau akibat dari sesuatu perkara.</li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari maklumat dari pelbagai sumber.</li> <li>• Membuat pemerhatian di beberapa TASKA.</li> <li>• Pembentangan menggunakan TMK atau kaedah lain yang sesuai.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
9.2 Awal Matematik	9.2.1 Menyenaraikan aktiviti awal matematik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak. 9.2.2 Menerangkan kepentingan aktiviti awal matematik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. 9.2.3 Meyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format. 9.2.4 Melaksanakan aktiviti awal matematik berdasarkan perancangan. 9.2.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti awal matematik dalam aspek: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</li> </ul> 9.2.6 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan. 9.2.7 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti awal matematik.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti awal matematik:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengumpul objek mengikut bentuk</li> <li>○ Menyusun objek mengikut urutan menaik atau menurun.</li> <li>○ Mengumpul objek mengikut ciri sepunya (seperti bentuk, saiz, warna)</li> <li>○ Memadan satu dengan satu</li> <li>○ Mengenal siri dan pola</li> <li>○ Mengecam simbol dalam aktiviti seharian</li> <li>○ Konsep ukuran, masa dan ruang</li> <li>○ Konsep mata wang</li> </ul> </li> <li>• Contoh bahan dan alatan untuk aktiviti awal matematik:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Wang</li> <li>○ Jam dinding</li> <li>○ Kad nombor</li> <li>○ Haiwan mainan pelbagai saiz</li> <li>○ Cawan penyukat</li> <li>○ Penimbang</li> <li>○ Pengukur tinggi</li> <li>○ Kalendar</li> <li>○ Pembaris</li> </ul> </li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
9.3 Pemikiran Logik	<p>9.3.1 Menyenaraikan aktiviti pemikiran logik yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak.</p> <p>9.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti pemikiran logik terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak.</p> <p>9.3.3 Meyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format.</p> <p>9.3.4 Melaksanakan aktiviti pemikiran logik berdasarkan perancangan.</p> <p>9.3.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti pemikiran logik dalam aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</li> <li>ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</li> </ul> <p>9.3.6 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>9.3.7 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti pemikiran logik.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti pemikiran logik: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bermain alat pancing bermagnet.</li> <li>○ Pemerhatian tentang percambahan biji benih.</li> <li>○ Mencampur warna.</li> <li>○ Memelihara dan mengenal ikan dalam akuarium.</li> <li>○ Bermain air dan menyatakan sifat air.</li> <li>○ Menggunakan pancaindera (deria bau, sentuh, rasa, lihat dan dengar).</li> </ul> </li> <li>• Contoh bahan dan alatan untuk aktiviti pemikiran logik: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Model haiwan</li> <li>○ Biji benih</li> <li>○ Kertas pasir</li> <li>○ Bika</li> <li>○ Planet</li> <li>○ Model haiwan.</li> <li>○ <i>Puzzle</i></li> <li>○ Kad imbasan</li> <li>○ Lembaran kerja menggunakan kemudahan ICT.</li> </ul> </li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.



## 10.0 PERKEMBANGAN DERIA DAN PEMAHAMAN DUNIA PERSEKITARAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
10.1 Pengenalan kepada Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran	Murid boleh: 10.1.1 Menamakan deria dan fungsi deria bayi dan kanak-kanak. 10.1.2 Menyatakan maksud dunia persekitaran pada diri bayi dan kanak-kanak. 10.1.3 Menyatakan empat fokus pembelajaran bidang perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bagi kanak-kanak. 10.1.4 Menerangkan kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran bayi dan kanak-kanak. 10.1.5 Merancang dan menyediakan sudut awal sains TASKA berdasarkan konsep 3E. 10.1.6 Menilai kesesuaian bahan dan alat yang dipamerkan di sudut awal sains TASKA untuk kanak-kanak menggunakan kesemua deria mereka.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Empat fokus pembelajaran:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Alam Fizikal</li> <li>○ Alam Hidupan</li> <li>○ Alam Bahan</li> <li>○ Alam Semesta</li> </ul> </li> <li>• Konsep 3E: <i>Explore, Experiment and Experience</i></li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneroka untuk mendapatkan maklumat dan bahan dari pelbagai sumber.</li> <li>• Pembentangan menggunakan TMK atau kaedah lain yang sesuai.</li> <li>• Menyenaraikan aktiviti untuk membina sikap sayangi alam sekitar dan menjaga kelestarian alam sekitar dalam diri kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
10.2 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran melalui aktiviti Alam Fizikal	Murid boleh: 10.2.1 Menyatakan definisi alam fizikal. 10.2.2 Menyenaraikan aktiviti alam fizikal yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun. 10.2.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam fizikal terhadap perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak. 10.2.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E. 10.2.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai. 10.2.6 Melaksanakan aktiviti alam fizikal berdasarkan perancangan. 10.2.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam fizikal dalam aspek: i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas ii) Kesesuaian penggunaan bahan bantu mengajar 10.2.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan. 10.2.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam fizikal.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti alam fizikal:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Menyentuh permukaan kasar dan halus.</li> <li>○ Mengenal bentuk.</li> <li>○ Meniru pergerakan kenderaan bermotor.</li> <li>○ Mengenal bahan yang tenggelam dan timbul.</li> <li>○ Membezakan basah dan kering.</li> <li>○ Menghubungkait cahaya dan bayang.</li> <li>○ Mengecam jarak dan ukuran.</li> <li>○ Membezakan tinggi dan rendah.</li> </ul> </li> <li>• Konsep 3E: <i>Explore, Experiment and Experience</i>.</li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meletak ais dalam gelas dan memerhatikan perubahan dari keadaan ais kepada air.</li> <li>• Menuang air ke dalam bekas pelbagai bentuk.</li> <li>• Memerhati objek tenggelam dan timbul.</li> <li>• Meletak bahan seperti kertas, fabrik dan plastik ke dalam air untuk melihat samada bahan menyerap air atau tidak.</li> <li>• Mengasingkan kad gambar kenderaan di darat, di air dan di udara.</li> <li>• Membezakan pasir halus, pasir kasar dan batu kerikil.</li> <li>• Mengukur panjang dan tinggi menggunakan pembaris, straw atau tali.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
10.3 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran melalui aktiviti Alam Hidupan	<p>10.3.1 Menyatakan definisi alam hidupan.</p> <p>10.3.2 Menyenaraikan aktiviti alam hidupan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.</p> <p>10.3.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam hidupan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.</p> <p>10.3.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.</p> <p>10.3.5 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti alam hidupan.</p> <p>10.3.6 Melaksanakan aktiviti alam hidupan berdasarkan perancangan.</p> <p>10.3.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam hidupan dalam aspek:</p> <p style="margin-left: 40px;">i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</p> <p style="margin-left: 40px;">ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</p> <p>10.3.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>10.3.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam hidupan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti alam hidupan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Melakar bentuk badan rakan.</li> <li>○ Jelajah persekitaran (<i>Nature walk</i>).</li> <li>○ Berkebun.</li> <li>○ Lawatan ke taman bunga, Zoo, Muzium, Taman Rama-Rama.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video berkaitan.</li> <li>• Menyusun daun mengikut saiz, bentuk atau warna.</li> <li>• Memerhati urat daun menggunakan kanta pembesar.</li> <li>• Menanam bawang merah atau sayuran dan melihat/ mencatat pertumbuhannya.</li> <li>• Bersoal jawab tentang tumbuh-tumbuhan yang boleh dan tidak boleh dimakan.</li> <li>• Mewarna pelbagai gambar hidupan seperti haiwan, bunga, buah dan sayuran.</li> <li>• Membuat kolaj dari daun kering dan ranting pokok.</li> <li>• Menyanyikan lagu tentang alam hidupan.</li> <li>• Membuat alat marakas dari pelbagai jenis kekacang.</li> <li>• Bercerita tentang topik berkaitan amalan nilai menghargai dan mencintai alam hidupan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
10.4 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran melalui aktiviti Alam Bahan	<p>10.4.1 Menyatakan definisi alam bahan.</p> <p>10.4.2 Menyenaraikan aktiviti alam bahan yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.</p> <p>10.4.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam bahan kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.</p> <p>10.4.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3 E.</p> <p>10.4.5 Menyediakan bahan dan alat bantu mengajar yang sesuai.</p> <p>10.4.6 Melaksanakan aktiviti alam bahan berdasarkan perancangan.</p> <p>10.4.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam bahan dalam aspek:</p> <p style="padding-left: 40px;">i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</p> <p style="padding-left: 40px;">ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</p> <p>10.4.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>10.4.9 Menulis refleksi pelaksanaan aktiviti alam bahan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti alam bahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Boleh membezakan pelbagai rasa (masam, masin, manis, pahir, panas sejuk)</li> <li>○ Bau (busuk, wangi, bau buah-buahan)</li> <li>○ Membina bangunan menggunakan bongkah.</li> <li>○ Membezakan jarak dan ruang</li> <li>○ Mengenali perubahan yang berlaku pada satu-satu objek atau bahan (roti ditumbuhi kulat, bunga/ daun layu atau berubah warna).</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengasingkan bahan makanan mengikut rasa.</li> <li>• Meneka makanan berdasarkan bau atau rasa.</li> <li>• Mencuba makanan pelbagai kaum dalam negara.</li> <li>• Memadankan objek secara berpasangan seperti kasut, sarung kaki atau menggunakan gambar.</li> <li>• Mengasingkan objek mengikut jenis/ bentuk/ warna, dsbnya.</li> <li>• Menimbang bahan menggunakan alat penimbang dan membandingkan isipadunya.</li> <li>• Menjalankan eksperimen yang berkaitan perubahan pada bahan.</li> <li>• Membuat buku skrap koleksi tentang alam bahan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
<p>10.5 Perkembangan Deria dan Pemahaman Dunia Persekitaran melalui aktiviti Alam Semesta</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>10.5.1 Menyatakan definisi alam semesta.</p> <p>10.5.2 Menyenaraikan aktiviti alam semesta yang sesuai mengikut peringkat umur kanak-kanak 2 hingga 4 tahun.</p> <p>10.5.3 Menerangkan kepentingan aktiviti alam semesta kepada perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran kanak-kanak.</p> <p>10.5.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format dan konsep 3E.</p> <p>10.5.5 Menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif dari bahan terbuang dan alatan yang sesuai.</p> <p>10.5.6 Melaksanakan aktiviti alam semesta berdasarkan perancangan.</p> <p>10.5.7 Menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti alam semesta dalam aspek:</p> <p style="margin-left: 40px;">i) Persediaan sebelum, semasa dan selepas</p> <p style="margin-left: 40px;">ii) Kesesuaian penggunaan bahan dan alatan mengajar</p> <p>10.5.8 Memberi cadangan penambahbaikan aktiviti yang dijalankan.</p> <p>10.5.9 Menghasilkan dokumentasi karya kreatif dari bahan terbuang.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti alam semesta: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kempen Cintai Alam Sekitar</li> <li>○ Projek Kitar Semula</li> <li>○ Jimat air dan tenaga</li> <li>○ Gotong royong memungut sampah</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video berkaitan kepentingan air, udara, matahari kepada hidupan di dunia.</li> <li>• Berkelah di taman, pantai, air terjun, sungai atau hutan sambil menikmati dan memberi komen tentang keindahan alam.</li> <li>• Membimbing kanak-kanak menghayati, menghargai dan melahirkan rasa syukur tentang keindahan alam oleh Penciptanya.</li> <li>• Menghasilkan karya dalam bentuk lukisan, penulisan seperti puisi dan karangan.</li> <li>• Mengajar kanak-kanak menyanyikan lagu-lagu yang memuji keindahan alam dan keagungan Penciptanya.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 11.0 PERKEMBANGAN ESTETIKA DAN DAYA KREATIF

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.1 Pengenalan kepada Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif	Murid boleh: 11.1.1 Menyatakan definisi estetika dan daya kreatif. 11.1.2 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk perkembangan estetika dan daya kreatif mengikut peringkat umur kanak-kanak di TASKA. 11.1.3 Menerangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.1.4 Merancang dan menyediakan sudut untuk mempamerkan hasil daya kreativiti kanak-kanak. 11.1.5 Menilai kesesuaian sudut pameran yang disediakan. 11.1.6 Menghuraikan kepentingan aktiviti pembelajaran untuk perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk perkembangan estetika dan daya kreatif:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Lukisan</li> <li>○ Kraf Tangan</li> <li>○ Permainan Perkusi</li> <li>○ Pergerakan Kreatif</li> </ul> </li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton klip video berkaitan kreativiti.</li> <li>• Mencari, meneroka dan mengumpul maklumat serta bahan dari pelbagai sumber tentang kaedah untuk memupuk nilai estetika dan daya kreatif kanak-kanak.</li> <li>• Membuat pembentangan menggunakan TMK atau kaedah lain yang kreatif.</li> <li>• Membuat buku skrap tentang pelbagai hasil daya kreatif mengikut budaya.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.2 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif melalui Lukisan	11.2.1 Menyenaikan aktiviti melukis untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.2.2 Menerangkan kepentingan aktiviti melukis kepada perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.2.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format. 11.2.4 Menyediakan bahan dan alatan melukis yang sesuai serta ruang untuk aktiviti. 11.2.5 Melaksanakan berdasarkan perancangan. 11.2.6 Menilai hasil seni lukis bersama kanak-kanak. 11.2.7 Mendokumentasikan aktiviti melukis dan mewarna bersama-sama kanak-kanak.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Contoh aktiviti melukis:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Melakar</li> <li>○ Melorek</li> <li>○ Mencetak</li> <li>○ Merenjis</li> <li>○ Menghembus</li> <li>○ Mewarna</li> </ul> </li> <li>● Bahan dan alatan aktiviti lukisan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Warna air</li> <li>○ Pensil mewarna/ krayon</li> <li>○ Kertas lukisan</li> <li>○ Berus lukisan</li> <li>○ Pallet</li> <li>○ Apron kalis air</li> <li>○ Kertas alas</li> <li>○ Air</li> </ul> </li> </ul> Cadangan Aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mewarnakan lambang negara seperti bendera, bunga raya, harimau, dsbnya.</li> <li>● Mewarna gambar.</li> <li>● Memberi hadiah sebagai penghargaan kepada usaha dan hasil kanak-kanak.</li> <li>● Mempamerkan hasil lukisan kanak-kanak.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.3 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif melalui Kraf Tangan	11.3.1 Menyenaikan aktiviti kraf tangan untuk merangsang perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.3.2 Menerangkan kepentingan aktiviti kraf tangan terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.3.3 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format. 11.3.4 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti kraf tangan. 11.3.5 Melaksanakan aktiviti kraf tangan berdasarkan perancangan. 11.3.6 Menilai aspek kreativiti kraf tangan yang dihasilkan oleh kanak-kanak. 11.3.7 Mendokumentasikan aktiviti kraf tangan bersama-sama kanak-kanak.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh hasil kraf tangan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Origami</li> <li>○ Boneka</li> <li>○ Anyaman</li> <li>○ Bingkai gambar</li> <li>○ Kolaj</li> </ul> </li> <li>• Bahan terpakai aktiviti kraf tangan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Botol plastik</li> <li>○ Kertas surat khabar</li> <li>○ Cawan kertas</li> </ul> </li> </ul> Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganyam alas atau lapik pinggan menggunakan kertas berwarna.</li> <li>• Memberi hadiah sebagai tanda apresiasi terhadap hasil kraf tangan.</li> <li>• Membuat pameran hasil kraf tangan kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.4 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif melalui Permainan Perkusi	11.4.1 Menyatakan definisi perkusi dan permainan perkusi. 11.4.2 Menyenaikan bahan dan peralatan aktiviti permainan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak. 11.4.3 Menerangkan kepentingan aktiviti permainan perkusi terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.4.4 Mereka cipta dan menghasilkan perkusi yang sesuai untuk kanak-kanak. 11.4.5 Memainkan perkusi: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Mengikut tempo laju dan lambat.</li> <li>ii) Dengan ekspresi kuat dan lembut.</li> <li>iii) Dengan <i>beat</i> yang konstan.</li> <li>iv) Dengan iringan muzik.</li> <li>v) Mengiringi lagu.</li> </ul> 11.4.6 Mendokumentasikan penghasilan perkusi dalam bentuk media yang kreatif.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh perkusi: Gendang, kompang, tamborin, marakas, kayu tik tok, kastenet, loceng, kerincing, batang buluh, dan alat-alat improvisasi.</li> <li>• Mengadakan permainan perkusi di ruang yang sesuai dan tidak menimbulkan gangguan.</li> </ul> Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memainkan perkusi dengan iringan muzik tradisional.</li> <li>• Membuat persembahan pergerakan kreatif menggunakan perkusi yang dihasilkan.</li> <li>• Menyanyikan lagu kanak-kanak dengan iringan perkusi.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
11.5 Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif melalui Pergerakan Kreatif	11.5.1 Menyatakan definisi pergerakan kreatif. 11.5.2 Menyenaraikan contoh aktiviti pergerakan kreatif yang sesuai untuk kanak-kanak. 11.5.3 Menerangkan kepentingan aktiviti pergerakan kreatif terhadap perkembangan estetika dan daya kreatif kanak-kanak. 11.5.4 Menyediakan Rancangan Pelaksanaan Aktiviti mengikut format. 11.5.5 Menyediakan bahan dan alatan yang sesuai dengan aktiviti. 11.5.6 Menunjuk cara dan melaksanakan aktiviti pergerakan kreatif. 11.5.7 Menilai dan menambah baik pergerakan kreatif yang dihasilkan.	Nota: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh aktiviti pergerakan kreatif:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mengikut pergerakan gaya haiwan, kenderaan dsbnya.</li> <li>○ Mengikut lagu dan muzik.</li> <li>○ Mengikut bunyi peralatan perkusi.</li> <li>○ Menari mengikut irama.</li> <li>○ Menggunakan reben, gelung rotan, dsbnya.</li> </ul> </li> <li>• Contoh bahan dan alat bantu mengajar:               <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Tali, gelung, pita pelekat, reben. dll.</li> <li>○ Alat muzik: Marakas, kayu tik tok, tamborin, gitar, alat-alat buatan sendiri</li> <li>○ VCD, pembesar suara,</li> <li>○ Radio, peralatan TMK</li> </ul> </li> </ul> Cadangan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menonton video berkaitan.</li> <li>• Mencari maklumat dari Internet.</li> <li>• pergerakan mengikut irama seperti senam robik dan tarian.</li> <li>• Mengadakan simulasi di dalam kelas.</li> <li>• Membuat persembahan pergerakan kreatif.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan estetika dan daya kreatif.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek perkembangan estetika dan daya kreatif.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek perkembangan estetika dan daya kreatif.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

## 12.0 PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TASKA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.1 Pengurusan Rekod TASKA	<p>Murid boleh:</p> <p>12.1.1 Menyenaraikan jenis rekod yang terdapat di TASKA berdasarkan kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kanak-kanak</li> <li>ii) Kakitangan</li> <li>iii) Pengurusan</li> </ul> <p>12.1.2 Menerangkan fungsi dan kepentingan setiap jenis rekod.</p> <p>12.1.3 Mengenal pasti cara penyimpanan dan penyelenggaraan rekod yang sistematik.</p> <p>12.1.4 Merekod maklumat kanak-kanak, kakitangan dan pengurusan TASKA berdasarkan format yang betul.</p> <p>12.1.5 Mengusulkan kaedah yang selamat untuk penyimpanan rekod di TASKA.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai jenis rekod perlu mengikut Peraturan TASKA 2012: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kategori Kanak-kanak- Rekod peribadi, kedatangan, kesihatan, kemajuan/ perkembangan, hasil kerja dan log harian.</li> <li>○ Kategori Kakitangan- Rekod peribadi, kedatangan, kesihatan, pelantikan, gaji, elaun, insentif, cuti dan latihan.</li> <li>○ Kategori Pengurusan- Rekod TASKA, inventori, kewangan, pelawat, perancangan tahunan, bulanan dan mingguan.</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat lawatan dan kenal pasti rekod yang disediakan oleh TASKA.</li> <li>• Mendapatkan dari internet contoh sistem berkomputer untuk penyimpanan rekod di TASKA.</li> <li>• Merangka kaedah yang lebih selamat untuk penyimpanan rekod di TASKA.</li> <li>• Merangka format dan membuat latihan merekod dalam komputer.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.2 Pengurusan Ruang Pembelajaran	<p>12.2.1 Menamakan empat jenis ruang pembelajaran mengikut aktiviti di TASKA.</p> <p>12.2.2 Menjelaskan kepentingan disediakan ruang pembelajaran yang kondusif di TASKA.</p> <p>12.2.3 Menerangkan panduan penyediaan ruang pembelajaran untuk kanak-kanak.</p> <p>12.2.4 Melakar dan melabel pelan lantai ruang aktiviti di dalam dan di luar TASKA.</p> <p>12.2.5 Melengkapkan pelan lantai ruang pembelajaran dengan lakaran perabot, peralatan dan bahan yang berkaitan.</p> <p>12.2.6 Membuat pembentangan lakaran pelan lantai serta pemilihan perabot, peralatan dan bahan.</p> <p>12.2.7 Memberi justifikasi tentang kedudukan susun atur perabot dalam ruang berkenaan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Empat jenis ruang untuk aktiviti pembelajaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bahasa dan komunikasi</li> <li>○ Main dan meniru peranan</li> <li>○ Motor halus</li> <li>○ Motor kasar</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan lawatan ke TASKA/ TADIKA.</li> <li>• Membuat pemerhatian pergerakan kanak-kanak tentang penggunaan sudut dan pemilihan bahan yang disediakan.</li> <li>• Melakar pelan lantai meliputi ruang pembelajaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Di dalam dan di luar TASKA</li> <li>○ Basah dan kering</li> <li>○ Bising dan Senyap</li> </ul> </li> <li>• Melakar susun atur perabot, peralatan dan bahan yang perlu ada dalam bilik/ sudut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Bacaan</li> <li>○ Drama</li> <li>○ Manipulatif</li> <li>○ Seni dan Kraf</li> <li>○ Sains</li> <li>○ Muzik</li> <li>○ Komputer</li> <li>○ Main Air dan Pasir</li> </ul> </li> <li>• Menghias dan menyusun atur perabot mengikut keperluan bilik/ sudut di kelas Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.3 Penyediaan Alat Permainan Bayi dan Kanak-kanak	<p>12.3.1 Menyatakan kepentingan alat permainan terhadap bayi dan kanak-kanak.</p> <p>12.3.2 Menerangkan ciri alat permainan yang sesuai mengikut umur bayi dan kanak-kanak.</p> <p>12.3.3 Mengenal pasti jenis permainan yang sesuai dengan ruang dan aktiviti.</p> <p>12.3.4 Mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan yang sesuai bagi merangsang perkembangan bayi dan kanak-kanak berdasarkan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Motor Halus</li> <li>ii) Motor Kasar</li> <li>iii) Kognitif</li> <li>iv) Sosial</li> <li>v) Kreativiti</li> <li>vi) Literasi</li> </ul> <p>12.3.5 Menghuraikan kesesuaian alat permainan yang disediakan mengikut umur bayi dan kanak-kanak.</p> <p>12.3.6 Menghasilkan dokumentasi aktiviti mereka bentuk dan menghasilkan alat permainan bayi atau kanak-kanak.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh alat permainan: <i>soft toys</i>, <i>puzzle</i>, domino, kad imbasan, dsbnya.</li> <li>• Kategori alat permainan berdasarkan aktiviti: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Motor Halus - Mainan manipulatif</li> <li>○ Motor Kasar – Mainan di luar</li> <li>○ Kognitif – Mainan <i>puzzle</i>, blok</li> <li>○ Sosial – Mainan tradisional, <i>soft toys</i></li> <li>○ Kreativiti – Mainan bunyi-bunyian</li> <li>○ Literasi – Mainan <i>puzzle</i>, kad imbasan</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertandingan mereka cipta alat permainan bayi dan kanak-kanak.</li> <li>• Merancang, mereka bentuk dan melaksanakan projek membuat alat permainan yang kreatif dan berkualiti untuk jualan.</li> <li>• Menyediakan tempat pameran dan mempromosikan jualan.</li> <li>• Membuat pengiraan kos projek jualan.</li> <li>• Membuat refleksi aktiviti yang telah dilaksanakan.</li> <li>• Mencatat tindakan untuk menambahbaik aktiviti dan produk yang dihasilkan.</li> <li>• Mempamer dan mempromosikan hasil ciptaan alat permainan untuk jualan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.4 Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti	<p>12.4.1 Menyenaraikan aktiviti yang sesuai untuk melibatkan ibu bapa dan komuniti di TASKA.</p> <p>12.4.2 Menerangkan kepentingan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan awal kanak-kanak.</p> <p>12.4.3 Menjelaskan cabaran dan halangan yang dihadapi TASKA untuk berkolaboratif bersama-sama ibu bapa dan komuniti.</p> <p>12.4.4 Menyediakan kertas cadangan untuk mengadakan program di TASKA dengan kerjasama pihak ibu bapa dan komuniti.</p> <p>12.4.5 Membuat pembentangan cadangan program yang disediakan.</p> <p>12.4.6 Menghasilkan kertas cadangan yang telah ditambahbaik berdasarkan maklum balas dari pihak berkaitan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senarai aktiviti di TASKA: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Taklimat pendaftaran</li> <li>○ Perjumpaan hari terbuka</li> <li>○ Sambutan hari perayaan dan peristiwa istimewa</li> <li>○ Mesyuarat berkala</li> <li>○ Aktiviti PdP</li> <li>○ Jualan amal</li> <li>○ Gotong royong</li> <li>○ Lawatan</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan Aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan kertas kerja atau kertas cadangan untuk satu program atau projek atau aktiviti yang melibatkan ibu bapa dan komuniti secara dalam kumpulan.</li> <li>• Melaksanakan program yang dirancang pada hujung tahun atau di Tingkatan 5.</li> <li>• Memilih dan menyediakan medium perhubungan yang berkesan untuk makluman program TASKA.</li> <li>• Meneroka dan menilai medium yang paling berkesan serta sesuai untuk menyampaikan maklumat kepada keluarga dan komuniti.</li> <li>• Contoh medium perhubungan- Surat, Memo, Kad jemputan, Pamflet, Brosur, Poster, Kumpulan <i>wasapt</i>, Laman sesawang.</li> <li>• Mempamerkan hasil medium perhubungan antara TASKA dengan ibu bapa dan komuniti secara kreatif.</li> </ul>



STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
12.5 Pemeliharaan Alam Sekitar	<p>12.5.1 Menyenaraikan peranan TASKA dalam melindungi alam sekitar.</p> <p>12.5.2 Menerangkan kepentingan pemeliharaan alam sekitar.</p> <p>12.5.3 Menyediakan kertas perancangan membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.</p> <p>12.5.4 Menghasilkan bahan bantu mengajar berdasarkan kertas perancangan.</p> <p>12.5.5 Membuat pembentangan tentang keistimewaan bahan bantu yang dihasilkan.</p> <p>12.5.6 Menghasilkan dokumentasi hasil aktiviti membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terbuang.</p> <p>12.5.7 Menzahirkan kreativiti semasa membuat bahan bantu mengajar daripada bahan terpakai atau terbuang.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penerangan cara membersihkan ruang kerja dan melupuskan sisa buangan dengan betul.</li> <li>• Peranan TASKA: antaranya, mendidik kanak-kanak, merancang dan menjalankan aktiviti atau program yang berkaitan, mengamalkan konsep kitar semula, dsbnya.</li> <li>• Kesan mengabaikan pemeliharaan alam sekitar: contohnya, banjir kilat akibat sistem perparitan tidak berfungsi dengan baik kerana dipenuhi dengan sampah sarap.</li> <li>• Penyediaan kertas perancangan tentang projek atau aktiviti telah dipelajari dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Tingkatan 1 hingga 3.</li> </ul> <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangsaan tentang kaedah memelihara alam sekitar dalam konteks industri yang diceburi.</li> <li>• Menjemput penceramah menyampaikan tajuk yang berkaitan.</li> <li>• Menghasilkan secara individu atau berkumpulan, bahan bantu mengajar dari bahan terbuang seperti kertas, surat khabar, majalah, kotak makanan, botol plastik dan pakaian terpakai Contoh produk dicipta- alat muzik, kraftangan, alat mainan.</li> <li>• Membuat pembentangan menggunakan TMK atau kaedah yang sesuai.</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek pengurusan dan pentadbiran TASKA.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek pengurusan dan pentadbiran TASKA.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek pengurusan dan pentadbiran TASKA.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

### 13.0 KEUSAHAWANAN DAN PROGRAM KERJAYA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.1 Pengenalan kepada Perniagaan dan Keusahawanan	<p>Murid boleh:</p> <p>13.1.1 Menyatakan definisi peniaga, perniagaan, usahawan dan keusahawanan.</p> <p>13.1.2 Menjelaskan ciri usahawan yang berjaya.</p> <p>13.1.3 Menerangkan kelebihan peranan seorang usahawan.</p> <p>13.1.4 Menyediakan maklumat usahawan yang berjaya.</p> <p>13.1.5 Menilai kekuatan dan kelemahan diri untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.</p> <p>13.1.6 Merumuskan faktor yang menyumbang kepada kejayaan seorang usahawan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ciri usahawan yang berjaya - mempunyai kemahiran: berkomunikasi, membuat keputusan yang tepat, menyelesaikan masalah, merancang perniagaan, kreatif, inovatif, membentuk jaringan hubungan (<i>networking</i>) dalam konteks perniagaan, menjalin perhubungan antara rakan untuk melaksanakan projek usahasama.</li> <li>• Peranan usahawan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan</li> <li>○ Memenuhi kehendak dan keperluan komuniti</li> <li>○ Menyumbang kepada pembangunan ekonomi</li> <li>○ Meningkatkan taraf hidup</li> <li>○ Mengkaji dan menguji penemuan dan ciptaan baharu</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjemput usahawan memberi ceramah.</li> <li>• Meneroka dan mendapatkan maklumat usahawan yang berjaya.</li> <li>• Melengkapkan borang inventori diri (kaunseling) untuk mengenal pasti kecenderungan dan potensi diri.</li> <li>• Merumuskan kekuatan dan potensi diri masing-masing.</li> <li>• Mengkaji artikel atau maklumat pelbagai bidang keusahawanan.</li> <li>• Mengumpul dan membentangkan maklumat contoh usahawan yang berjaya.</li> <li>• Menggunakan TMK semasa membuat pembentangan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.2 Prosedur Memulakan Perniagaan	<p>13.2.1 Menamakan pelbagai bentuk organisasi perniagaan.</p> <p>13.2.2 Menyatakan ciri organisasi perniagaan dari aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Milikan</li> <li>ii) Sumber Modal</li> <li>iii) Liabiliti</li> </ul> <p>13.2.3 Menerangkan cara memulakan perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perniagaan Baharu</li> <li>ii) Ambil Alih Perniagaan</li> <li>iii) Francais</li> </ul> <p>13.2.4 Mengenal pasti empat komponen utama rancangan perniagaan.</p> <p>13.2.5 Menjelaskan tujuan dan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan.</p> <p>13.2.6 Menghuraikan isu, cabaran dan kaedah penyelesaian bagi memulakan perniagaan.</p> <p>13.2.7 Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah untuk penubuhan TASKA.</p> <p>13.2.8 Mengamalkan langkah membuat keputusan yang betul dalam penyediaan rancangan perniagaan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Milikan Tunggal</li> <li>○ Perkongsian</li> <li>○ Syarikat Sendirian Berhad</li> <li>○ Syarikat Berhad</li> <li>○ Koperasi</li> </ul> </li> <li>• Empat komponen utama Rancangan Perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Objektif Perniagaan</li> <li>○ Strategi Perniagaan</li> <li>○ Strategi Pelaksanaan</li> <li>○ Anggaran Belanjawan</li> </ul> </li> </ul> <p>Cadangan akitiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbang saran dan perbincangan berkaitan tajuk.</li> <li>• Mengadakan temu bual dengan pengusaha TASKA untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman mereka.</li> <li>• Membentangkan hasil perbincangan atau dapatan temu bual dengan pengusaha TASKA.</li> <li>• Mengisi borang permohonan penubuhan TASKA.</li> <li>• Langkah membuat keputusan- mengenal pasti masalah, mencari alternatif, memilih penyelesaian yang baik, bertindak dan menilai semula keputusan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.3 Celik Kewangan	<p>13.3.1 Menamakan pelbagai sumber pendapatan dan sumber pendapatan alternatif.</p> <p>13.3.2 Menerangkan kaitan antara tahap pendidikan, pilihan kerjaya, kemahiran dan pengalaman dengan pendapatan yang diperolehi.</p> <p>13.3.4 Menerangkan kepentingan menguruskan kewangan secara berhemat untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan.</p> <p>13.3.5 Mengenal pasti pelbagai cara dan instrumen membuat pembayaran dalam perniagaan.</p> <p>13.3.6 Menerangkan sebab institusi kewangan memberi pinjaman atau kemudahan kredit.</p> <p>13.3.7 Menghuraikan kebaikan dan kelemahan penggunaan kredit.</p> <p>13.3.8 Membuat keputusan tentang pemilihan kerjaya berdasarkan matlamat kewangan peribadi dengan mengamalkan langkah yang betul.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Elemen Celik Kewangan 1 (CK 1): Wang, Sumber Pendapatan dan Kerjaya <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Memberi contoh tentang pelbagai sumber pendapatan (contohnya keuntungan perniagaan, elaun, gaji, komisen, faedah, pendapatan kasar dan bersih) dan sumber lain (contohnya asset kewangan, harta tanah dan bayaran pindahan) dan bagaimana semua ini boleh digunakan sebagai pendapatan yang diperolehi.</li> <li>○ Menganalisis kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi.</li> </ul> </li> <li>• Elemen Celik Kewangan 2 (CK 2): Tanggungjawab dan Membuat Keputusan Kewangan. Cara membuat keputusan berkaitan kewangan. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Instrumen digunakan seperti wang tunai, kredit, cek, kad kredit, kad debit dan kad pra bayar.</li> </ul> </li> <li>• Elemen Celik Kewangan 3 (CK 3): Pelbagai jenis kredit termasuk faedah dan kos masing-masing.</li> <li>• Langkah membuat keputusan: mengenal pasti masalah, mencari alternatif, memilih penyelesaian yang baik, bertindak dan menilai semula keputusan.</li> </ul>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	CATATAN
13.4 Projek Keusahawanan	<p>13.4.1 Menyenaraikan mengikut keutamaan produk, barangan atau perkhidmatan untuk projek keusahawanan.</p> <p>13.4.2 Menentukan tenaga pekerja, bahan serta kos yang diperlukan.</p> <p>13.4.3 Menyediakan kertas cadangan pelaksanaan projek keusahawanan mengikut format yang disediakan.</p> <p>13.4.4 Merancang, menyedia dan melaksanakan projek setelah mendapat kelulusan pihak pentadbiran.</p> <p>13.4.5 Menilai keberkesanan pelaksanaan projek.</p> <p>13.4.6 Menghasilkan laporan pelaksanaan projek dengan betul dan kemas.</p> <p>13.4.7 Bekerjasama dan sepakat semasa melaksanakan projek.</p> <p>13.4.8 Mengaplikasi pengetahuan serta kemahiran sebagai seorang usahawan semasa pelaksanaan aktiviti.</p> <p>13.4.9 Menghargai kepentingan menjalin dan menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan.</p>	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh projek jualan: Permainan kanak-kanak, buku kanak-kanak, makanan, penjagaan kanak-kanak pada hujung minggu, dsbnya.</li> <li>• Jualan melalui tempahan, semasa hari aktiviti sekolah, aktiviti luar sekolah, dsbnya.</li> </ul> <p>Cadangan aktiviti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan rancangan perniagaan yang mudah berkaitan projek.</li> <li>• Melaksanakan simulasi cara berkomunikasi yang berkesan dalam perbincangan dengan pelanggan.</li> <li>• Contoh simulasi: main peranan, menonton video mengenai cara berkomunikasi yang berkaitan dalam konteks perniagaan</li> </ul>

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Berupaya mengingat perkara asas berkaitan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek keusahawanan dan program kerjaya.
2	Berupaya memahami, menterjemah dan menjelaskan pengetahuan atau kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam aspek keusahawanan dan program kerjaya.
3	Berupaya mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam sesuatu situasi yang dihadapi berkaitan aspek keusahawanan dan program kerjaya.
4	Berupaya menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu situasi yang dihadapi dengan yakin mengikut prosedur atau secara sistematik.
5	Berupaya menilai pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi dengan berkesan mengikut prosedur yang sistematik dan sentiasa bersikap positif.
6	Berupaya menzahirkan idea secara kreatif atau inovatif dalam bentuk yang <i>tangible</i> , mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai situasi kehidupan secara sistematik atau rasional serta boleh diteladani.

**PANEL PENGGUBAL**

Raudah binti Hj. Majid	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Dr. Norlia binti Kasim	Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi, Selangor
Dr. Norasmah binti Mohd. Noor	Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu, Jln Maktab Durian Daun, Melaka
Dr. Faridah binti Yunus	Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan UKM, Jalan Temuan Bangi, Selangor
Bonsu Amin binti Sahiman	SMK Jalan Tasek, Ipoh, Perak
Hajah Samsiah binti Rozi	SMK Seri Indah, Taman Sri Serdang, Seri Kembangan, Selangor
Rusvela binti Fakaruddin	SMK Taman Bukit Indah, Jalan Indah Utama, Johor Bahru, Johor

**Turut Menyumbang**

Jefri Anak Melly	SMK Sg. Merah, Jalan Ulu Sg. Merah, Sibu Sarawak
Muhamad Amin bin Ibrahim	SMK Kem Terendak, Sg. Udang, Kem Terendak, Melaka
Fara Ilyani binti Mohd	SMK Telok Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor



## **PENGHARGAAN**

### **Penasihat**

- |                           |                            |
|---------------------------|----------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Timbalan Pengarah        |
| Datin Dr. Ng Soo Boon     | - Timbalan Pengarah (STEM) |

### **Penasihat Editorial**

- |                                  |                |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani      | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon       | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad               | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman      | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah          | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said              | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufix Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus  | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria             | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim    | - Ketua Sektor |

**Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi**

Saripah Faridah binti Syed Khalid  
Nur Fadia binti Mohamed Radzuan  
Mohamad Zaiful bin Zainal Abidin

**Pereka Grafik**

Siti Zulikha binti Zelkepli



ISBN 978-967-420-516-4



**Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia**  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
62604 Putrajaya.  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917  
<http://bpk.moe.gov.my>